

**UNSUR-UNSUR KONFLIK YANG TERDAPAT  
DALAM NOVEL AYAHANDA BERDASARKAN  
TEORI SOSIOLOGI**

**ZALIKHA NAJWA BINTI ZAHARI**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN  
**2024**



**UNSUR-UNSUR KONFLIK YANG TERDAPAT DALAM  
NOVEL AYAHANDA BERDASARKAN  
TEORI SOSIOLOGI**

**ZALIKHA NAJWA BINTI ZAHARI**  
**C20A1512**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |                |  |
|-------------------------------------|----------------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SEKATAN</b> | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh.....sehingga.....       |                |  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SULIT</b>   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

*Zalikha*

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Zalikha Najwa Binti Zahari

Nama: Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi

No.Kad Pengenalan: 000216-03-0314

Tarikh: 12 Februari 2024

Tarikh: 12 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, pertama sekali saya Zalikha Najwa Binti Zahari mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Esa kerana limpah kurnianya, saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya dalam jangka masa yang ditentukan oleh pensyarah. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah yang dikasihi iaitu Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan kepada saya dengan penuh kesabaran dalam memperoleh keputusan yang cemerlang.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah menyediakan banyak kemudahan seperti perpustakaan bagi mendapatkan sumber rujukan sepanjang menjalankan tesis ini. Bukan itu sahaja, saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas kemudahan yang telah diberikan. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dalam menyiapkan tesis ini dari segi moral mahupun secara lisan.

Akhir sekali, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa saya yang sedikit sebanyak membantu dalam menyiapkan tesis ini dari segi kewangan dan sokongan moral sepanjang menyiapkan tesis ini. Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESASAHAAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop dan Batasan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Definisi Operasional	12
1.8.1 Konflik	12
1.8.2 Sosiologi	14
1.9 Organisasi Bab	15
1.1.0 Rumusan	17
 <b>BAB 2: TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Konflik	19
2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel	27

2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Sosiologi	32
2.5 Rumusan	34

### **BAB 3: MEOTODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	37
3.3 Kaedah Kajian	38
3.3.1 Kepustakaan	38
3.3.2 Analisis Tekstual	39
3.4 Proses Pengumpulan Data	39
3.5 Kaedah Analisis Data	39
3.3.1 Teoritikal	40
3.3.2 Struktural	41
3.6 Instrumen Kajian	42
3.7 Rumusan	43

### **BAB 4: ANALISIS KAJIAN**

4.1 Pengenalan	44
4.2 Unsur-Unsur Konflik yang Terdapat Dalam Novel <i>Ayahanda</i>	45
4.2.1 Konflik Dalaman	45
4.2.2 Konflik Antara Kumpulan (Intragroup)	48
4.2.3 Konflik Hubungan	52
4.2.4 Konflik Sosial	55
4.3 Perkaitan Unsur Konflik dengan Teori Sosiologi	58
4.3.1 Kelas Sosial	58
4.3.2 Perubahan Sosial	60
4.3.3 Keadaan	64
4.3.4 Kuasa	67
4.4 Kepentingan Unsur Konflik yang Terdapat Dalam Novel <i>Ayahanda</i>	72
4.4.1 Struktur Naratif yang Lebih Menarik	74
4.4.2 Pembangunan Watak	76
4.4.3 Kandungan Tema dan Nilai	78
4.4.4 Nilai Moral dan Pengajaran	80
4.4.5 Keselarian Emosi	82

#### 4.4.6 Struktur Plot yang Lebih Seimbang

### BAB 5: RUMUSAN

5.1 Pengenalan	84
5.2 Hasil Perbincangan	84
5.3 Cadangan	86
5.4 Implikasi Kajian	88
5.5 Rumusan	89
RUJUKAN	90

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**SENARAI RAJAH**

**PERKARA**

**HALAMAN**

Rajah 3.2 Rekabentuk Kajian

37

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Unsur-Unsur Konflik Yang Terdapat dalam Novel *Ayahanda* Berdasarkan Teori  
Sosiologi

**ABSTRAK**

Permasalahan yang wujud dalam kalangan masyarakat terutama remaja dapat memberi kesan negatif ke dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana remaja mudah terpengaruh akan sesuatu benda dan mencuba perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan di alam remaja mereka. Terdapat tiga objektif yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini iaitu mengenalpasti unsur-unsur konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda*, menganalisis unsur-unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* menggunakan teori sosiologi dan menganalisis kepentingan unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan kepustakaan dan juga analisis teks dalam memperoleh hasil dapatan yang ingin dicapai dalam kajian ini. Antara hasil dapatan yang diperoleh melalui kajian ini ialah konflik dalaman, konflik antara kumpulan (intragroup), konflik hubungan dan juga konflik sosial bagi melengkapkan kajian yang dijalankan. Konflik merupakan suatu perkara yang sering dipandang negatif ia sering melibatkan situasi yang kurang nyaman yang melibatkan pertentangan idea atau pendapat. Namun begitu konflik tidak boleh dipandang dengan remeh kerana ia merupakan isu yang penting untuk diselesaikan yang dapat ditangani sebelum berlaku perkara yang tidak diingini.

**Kata kunci :** *Novel, Unsur, Konflik, Sosiologi.*

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Elements of Conflict in Father's Novel Based on Sociological Theory

### Abstract

Problems that exist in society, especially teenagers, can have a negative impact on their lives. This is because teenagers are easily influenced by things and try things they should not do in their teenage years. There are three objectives used to complete this study, which are to identify the elements of conflict found in the novel Ayahanda, analyze the elements of conflict found in the novel Ayahanda using sociological theory and analyze the importance of the elements of conflict in the novel Ayahanda. This study uses a qualitative method that uses bibliography and also text analysis in obtaining the findings that are to be achieved in this study. Among the findings obtained through this study are internal conflict, conflict between groups (intragroup), relationship conflict and also social conflict to complete the study. Conflict is something that is often viewed negatively, it often involves uncomfortable situations that involve opposing ideas or opinions. However, conflict should not be taken lightly because it is an important issue to resolve that can be addressed before undesirable things happen.

**Keywords:** *Novel, Element, Conflict, Sociology.*

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Definisi konflik yang mudah ialah perbezaan pendapat antara dua pihak atau lebih yang mengakibatkan percanggahan. Menurut Taquiri dalam Newstrom dan Davis (1977), konflik adalah warisan kewujudan sosial dan boleh timbul dalam pelbagai konteks akibat daripada pembentukan pertikaian, kontroversi, dan penentangan yang berterusan antara dua pihak atau lebih. Walaupun takrifan konflik yang diberikan lebih cenderung kepada negatif, terdapat juga jenis konflik lain, seperti yang menggalakkan objektif organisasi dan meningkatkan tahap kejayaan. Ini menunjukkan bahawa konflik bertukar menjadi pemangkin kepada perubahan beransur-ansur dalam organisasi. Konflik yang menghalang pencapaian matlamat dianggap konflik yang tidak membantu. Menurut Thomas (1976) mendefinisikan konflik sebagai satu proses yang bermula apabila satu pihak menganggap satu pihak lain telah menghambar atau akan menghambarkan satu kepentingan dirinya. Definisi ini merangkumi jenis konflik antara individu dan dalam kumpulan.

Selain itu, konflik yang ditunjukkan di dalam novel *Ayahanda* ini menunjukkan satu perkara yang benar-benar terjadi di dalam kehidupan sebuah keluarga pada hari ini. Bukan sahaja konflik antara anak dan ayah, pergaduhan yang berlaku antara ibu dan ayah juga kerap diungkapkan di sosial media dan juga di papan berita. Hal ini dapat dilihat melalui berita yang dikeluarkan oleh Astro Awani yang memaparkan satu kenyataan yang bertajuk Selalu Tengok Mak Ayah Bergaduh, Kesan Pada Emosi Anak Amat Besar. Kenyataan yang dikeluarkan pada 5 September 2021 menunjukkan terdapat pelbagai konflik yang telah berlaku di dalam negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana hal ini telah terjadi untuk sekian lamanya.

Seterusnya, kisah ayah yang diceritakan dalam novel *Ayahanda* sebenarnya adalah kisah ayah Azizi Haji Abdullah sendiri. Pertelingkahan dalam keluarga *Ayahanda* adalah realiti yang wujud dalam semua keluarga termasuk keluarga Azizi Haji Abdullah dan menunjukkan bahawa setiap orang yang bergelar bapa mempunyai sikap dan ego tersendiri sama ada anak-anaknya suka atau tidak. Penyataan ini disokong oleh Azizi Yahaya, Mohd Najib Ab. Ghaffar & Badrulzaman Baharom dalam kajiannya yang bertajuk *Persekutuan Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian*

*Remaja* yang menyatakan terdapat hubungan signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan remaja yang dapat mewujudkan persekitaran yang negatif oleh sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Di samping itu, konflik ialah senario yang hampir sama dengan watak seseorang yang kurang mesra antara satu sama lain tentang apa sahaja dan konflik mungkin mempunyai kesan positif dan negatif (Amran Hassan, 2011: 1). Konflik juga boleh ditakrifkan sebagai keadaan yang mengakibatkan perselisihan faham atau penentangan di kalangan orang dan disebabkan oleh ideologi dan pandangan dunia mereka yang berbeza. Konflik intrapersonal adalah istilah untuk konflik yang timbul dalam diri, termasuk tindakan bawah sedar dan halusinasi yang disebabkan oleh emosi berlebihan watak. Konflik interpersonal ialah percanggahan pendapat antara watak yang disampaikan secara lisan akibat pemikiran dan pandangan yang berbeza tentang sesuatu perkara atau keadaan.

Kemudian, menurut Nor Raudah (2005:353) menyatakan bahawa manusia tidak mampu mengelak konfrontasi sama ada dalaman atau luaran. Konflik membentuk kewujudan manusia sama ada ia tenang, menjerit kegembiraan atau sebaliknya. Galvin & Brommel (1986) menjelaskan konflik yang berlaku pada diri sendiri dapat dilihat dari segi proses dipengaruhi oleh banyak faktor dan dari peringkat membina sehingga kepada yang merosakkan dengan cara itu banyak variasi dihasilkan. Begitu juga dengan konflik yang berlaku antara anak dan ayah di dalam novel *Ayahanda*. Manakala menurut Mohd Foad Sakdan (2005:216-217) mengatakan pihak yang terlibat dalam konflik akan tertakluk kepada campur tangan pihak ketiga rasmi.

Hal ini dapat dilihat dalam novel *Ayahanda* yang menunjukkan kebencian terhadap anak bongsunya ini kepada ayahnya sangat mendalam membuatkan emak menjadi orang ketiga untuk membaiki hubungan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana anak bongsu dan ayahnya mempunyai dua sudut pandang yang berbeza menyebabkan mereka tidak seakrab seperti dahulu lagi. Umur ayah yang semakin meningkat menyebabkan anak bongsu ini tidak dapat memahami dan kedegilan yang ditunjukkan oleh si ayah. Oleh itu, pengkaji di sini dapat menegaskan masalah setiap permasalahan dalam kajian mestilah mempunyai penyelesaian masing-masing.

Ahli sosiologi mendakwa bahawa mempelajari teori konflik boleh memajukan pemahaman kita tentang bagaimana orang berinteraksi dalam masyarakat. Interaksi

sosial adalah istilah yang digunakan dalam sosiologi untuk menggambarkan bagaimana orang berinteraksi dalam masyarakat. Dalam tamadun ini, proses perhubungan interpersonal boleh memberi dua jenis kesan iaitu pergaulan (hubungan semakin rapat) dan disosiatif (hubungan semakin longgar). Kedua-dua jenis penglibatan dikaitkan dengan hubungan interpersonal untuk memberi kesan kepada masyarakat. Susunan koperasi seperti organisasi. Sebaliknya, konflik adalah ilustrasi bentuk disosiatif, menurut halaman Rumah Pembelajaran Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx yang memfokuskan tentang konflik yang menjadi keutamaan dalam meneruskan kajian ini. Perspektif yang dilihat oleh Karl Marx berkaitan konflik, beliau mengembangkan teori konflik dengan beberapa konsepsi iaitu konsepsi kelas sosial, perubahan sosial, kuasa dan keadaan. Konsep-konsep ini saling berkekalan antara satu sama lain.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah merupakan novel yang dipilih untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Novel *Ayahanda* pertama kali diterbitkan pada tahun 1997 kemudian diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016. Kebijaksanaan Azizi Haji Abdullah ini dalam dunia penulisan membolehkan beliau menerima Anugerah S.E.A. Write Award pada tahun 1986. Beliau mempunyai kira-kira 200 buah cerpen, 32 buah novel dan beberapa karya lain. Antara novel beliau yang lain ialah Seorang Tua di Kaki Gunung dan Sangeeta. Beliau telah meninggal dunia pada 21 Ogos 2011.

Berbalik kepada kajian ini, novel *Ayahanda* berlatarkan kehidupan di sebuah kampung yang terletak di negeri Kedah pada sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Watak utamanya ialah bapa seorang warga emas yang sudah berusia 97 tahun yang amat sukar untuk difahami setiap tindak-tanduknya. Setiap inci tindakan kasih sayang, keangkuhan dan perilaku sang bapa ini sentiasa tidak kena dari kaca mata seorang anak lelaki bongsunya. Dalam novel ini tidak banyak dialog yang digunakan tetapi perincian untuk setiap tingkah laku bapa itu menceritakan segala-galanya. Apa-apa sahaja yang dilakukan oleh bapa menimbulkan tanda tanya dan seolah-olah tidak berkesudahan. Tiada penjelasan, sukar difahami dan ada kalanya menyusahkan orang sekelilingnya. Cuma tindakan bapa ini juga kadang-kadang meruntun jiwa membuatkan anak-anaknya berasa sedih dan orang di sekelilingnya juga bersimpati dengan nasib yang dialami oleh bapa ini.

Oleh itu, anak bongsunya yang sentiasa berprasangka buruk kepada bapa dan kadang-kala sentiasa melawan cakap bapa ini sebenarnya cukup melemaskan. Masing-masing beradu ego dan angkuh tidak mahu mengalah antara satu sama lain. Namun mereka tetap menjaga hubungan bapa dan anak itu walaupun kadang-kadang anak lelaki bongsunya itu memberontak tetapi dia masih menghormati bapa sebagai seorang ayah. Dia tahu batas sebagai seorang anak dan bagaimana cara untuk melayan bapanya. Meneliti kehidupan bapa ini sebenarnya mempunyai pelbagai kesusahan yang telah dialami. Ranjau kehidupannya terlalu perit untuk kita fahami. Sebagai seorang bapa beliau tidak banyak bercakap. Beliau sentiasa melakukan tindakannya seorang diri tanpa memikirkan kerisauan orang sekelilingnya. Walaupun kadang-kala ditentang oleh anak-anaknya dan menimbulkan masalah kepada anak-anak dan juga orang di

sekelilingnya, bapa tidak pernah menjelaskan setiap tindak tanduk dan tindakan yang dilakukan olehnya.

Novel *Ayahanda* ini sebenarnya ialah gambaran sifat seorang bapa walaupun sifat itu sukar untuk difahami tindak tanduknya tetapi kita sebagai seorang anak faham seorang bapa itu penuh dengan kasih sayang. Dalam diamnya ada duka dalam senyumannya ada lara. Begitulah kasih seorang bapa. Penulis telah menghasilkan novel ini dan bermain dengan pelbagai emosi. Ada kalanya kita berasa sedih, ada kalanya kita berasa geram dengan sifat bapa ini dan kadang kala kita sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang bapa ingin lakukan, kenapa bapa melakukan sebegini. Mungkin seorang bapa tidak banyak berkata-kata dan perasaannya juga sukar diduga tetapi bapa sebenarnya faham segala-galanya dan di sudut terdalam hati bapa itu ada kasih sayang yang sukar untuk dirungkaikan. Kisah yang diceritakan ini sangat kena dengan realiti sifat seorang bapa yang tidak banyak bercakap. Banyak pengajaran yang boleh kita ambil daripada novel ini. Hal ini dikatakan demikian juga, kita sebagai seorang anak boleh bermuhasabah diri dengan tindakan anak bongsunya dengan cara layanannya dengan sifat bapa itu sendiri.

Bahasa yang digunakan oleh penulis juga sangat mudah untuk difahami. Jalan ceritanya jelas dan kisahnya masih relevan hingga ke hari ini. Novel ini tentang kasih sayang dalam berkeluarga. Kajian ini menggunakan teori sosiologi yang dipelopori oleh Karl Marx (1818-1883) yang menekankan berkaitan konflik yang menjadi keutamaan dalam melakukan kajian ini. John Wear Burton (1990: 2) antara sarjana lain yang mempunyai pendapat tentang konflik, mendakwa bahawa konflik mungkin tidak dapat diselesaikan dan mengakibatkan tindakan yang serius menjelaskan pembangunan masa depan individu, kumpulan, masyarakat, atau negara yang terlibat juga sebagai keselamatan fizikal dan psikologi mereka. Menurut Burton, sikap atau tindakan yang memudaratkan orang lain secara fizikal atau mental adalah punca kepada punca konflik. Kedua-dua pihak akan terjejas oleh individu yang berat sebelah yang akhirnya akan mengakibatkan konflik. Hal ini demikian kerana konflik dilihat dalam karya sastera sebagai kerangka yang membantu mewujudkan kesatuan keseluruhan karya.

## 1.0 Penyataan Masalah

Permasalahan yang wujud di kalangan masyarakat terutama remaja dapat memberi kesan negatif ke dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana remaja mudah terpengaruh akan sesuatu benda dan mencuba perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan di alam remaja mereka. Terdapat banyak kes yang melibatkan remaja, salah satunya dapat dilihat dengan ketara tentang buli yang semakin menjadi-jadi pada hari ini menyebabkan konflik tersebut boleh memberi kesan yang negatif. Selain itu, permasalahan yang dapat diungkapkan adalah dalam mencari titik seimbang untuk menyeleraskan konflik yang terungkap. Pernyataan ini disokong oleh Faziela Abu Bakar@ Che Din, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Konflik dalam novel Remaja Terpilih*.

Menerusi penelitian pengkaji, permasalahan yang wujud dalam kajian yang dijalankan iaitu Unsur-unsur Konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* berdasarkan Teori Sosiologi adalah untuk mencari keseimbangan tentang cara yang berkesan dalam menangani seseorang dalam konflik. Pernyataan ini disokong oleh Yostan Absalom Labola (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk *Konflik Sosial: Dipahami, Identifikasi Sumbernya dan Dikelola-kajian Literature*. Hal ini menguatkan lagi permasalahan yang dinyatakan bahawa seseorang boleh kehilangan keseimbangan diri dalam mencari jalan penyelesaian yang bagus untuk menghindarkan diri daripada konflik yang membebani kehidupan mereka.

Secara tuntasnya, setiap permasalahan yang dinyatakan ini menjadi dorongan kepada penghasilan kajian ini supaya masyarakat sejagat dapat memperoleh impak yang positif melalui kajian yang dilakukan. Hal ini demikian kerana juga dapat memberi manfaat kepada individu, negara dan juga masyarakat dalam menjaga hubungan yang baik sesama mereka.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah unsur-unsur konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda*?
2. Bagaimanakah unsur-unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* dianalisis menggunakan teori sosiologi?
3. Sejauh manakah kepentingan unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda*?

### 1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama yang menyebabkan pengkaji merasa perlu bagi menjalankan kajian ini ialah untuk memenuhi objektif-objektif berikut:-

1. Mengenalpasti unsur-unsur konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda*.
2. Menganalisis unsur-unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* menggunakan teori sosiologi.
3. Menganalisis kepentingan unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda*.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada tiga objektif yang telah disediakan. Oleh itu, bagi memastikan kajian yang dilaksanakan tercapai, pengkaji akan membatasakan kajian dengan mengkaji unsur konflik yang terkandung dalam novel *Ayahanda*. Hal ini dikatakan demikian kerana ia bersesuaian dengan matlamat dan tujuan utama bagi menghurai dan mengkaji unsur-unsur konflik menerusi penceritaan di dalam novel *Ayahanda* yang telah dicetak pada tahun 2016 dan 2022 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta mengandungi 12 bab dan 364 halaman bercetak. Selain itu, pengkaji juga turut mengaplikasikan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx yang memfokuskan kepada teori konflik sebagai garis panduan dalam kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan satu gambaran yang sebenar mengenai kepentingan sastera terutamanya dalam novel kepada kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar bidang kesusasteraan serta masyarakat luar. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan mampu meningkatkan kefahaman terhadap mengenai isi tersirat yang ingin dikeluarkan melalui kajian yang ingin dilakukan supaya masyarakat lebih memahami mengenai sesuatu peristiwa yang terjadi atau nasihat yang ingin disampaikan melalui kajian ini.

### 1.7.1 Individu

Kajian ini penting supaya mendidik setiap individu supaya sentiasa menghormati kedua-dua ibu bapa kita. Islam juga turut mengajar kita supaya sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa kita. Kita tidak boleh menderhaka, meninggikan suara atau melawan ibu bapa kita walaupun terjadi perkara yang tidak diingini. Perkara ini mengajar kita supaya sentiasa bersyukur dan bersabar dalam pelbagai hal. Hal ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan individu supaya dapat memaparkan tingkah laku dan peribadi yang baik seterusnya dapat membentuk sahsiah diri dan berjiwa mulia oleh seseorang dalam mencari keredhaan daripada Allah SWT. Berdasarkan novel *Ayahanda* ini, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci tentang perkara yang ingin disampaikan dan mampu memberikan pengajaran yang baik dalam diri pengkaji.

### 1.7.2 Masyarakat

Selain itu, kajian yang ingin dijalankan ini telah memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur-unsur konflik yang dipaparkan di dalam novel *Ayahanda* dapat membuka dan memberi ruang kepada masyarakat supaya membuka mata dan membentuk masyarakat yang berkelakuan baik dari segi keperibadian dan tingkah laku yang diperlukan bagi pembangunan moral. Selanjutnya, teks yang digunakan sangat bagus dijadikan bahan bacaan kerana kandungan daripada teks tersebut mempunyai nilai pengajaran yang diperlukan dalam pembentukan jati diri masyarakat yang positif dan dapat melahirkan generasi yang mulia kerana didikan yang diperoleh sangat berkualiti. Oleh itu, hasil yang diperoleh daripada kajian mampu memberikan didikan dalam kalangan masyarakat terhadap penerapan nilai pengajaran yang diperoleh daripada novel ini.

### 1.7.3 Institusi

Seterusnya, melalui kajian ini pengkaji turut memberikan kepentingan kepada institusi. Hal ini dikatakan demikian kerana, akan dapat membuka fikiran seseorang dalam menilai sesbuah kepentingan dan pengajaran bidang sastera dalam masyarakat. Tambahan pula, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji juga dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang bagaimana ucapan dan jalan cerita yang ingin disampaikan memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat serta memberi pengajaran melalui penceritaan yang disampaikan melalui novel ini.

### 1.7.4 Negara

Akhir sekali, menerusi tinjauan pengkaji, kajian ini juga dapat menimbulkan kesan positif kepada negara. Pengajaran yang dapat diperoleh dalam novel *Ayahanda* juga memberi kebaikan kepada negara. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan dapat diterbitkan di laman sesawang ilmiah rasmi seperti Google Scholar, perpustakaan awam dan banyak lagi. Dengan demikian, secara tidak langsung kajian yang dilaksanakan memberi manfaat yang berguna dalam diri masyarakat kerana kajian ini dapat digunakan sebagai bahan rujukan dalam tajuk kajian yang dijalankan.

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.8.1 Konflik

Konflik, seperti yang ditakrifkan oleh sosiologi, adalah proses sosial yang berlaku antara dua orang atau kumpulan di mana satu pihak cuba menghapuskan pihak yang lain dengan melenyapkan atau menjadikan mereka tidak berdaya dengan cara yang disertai dengan ancaman dan keganasan. Konflik sering dicetuskan oleh konflik personaliti yang ditimbulkan oleh orang atau kumpulan dalam pertemuan sosial. Cartono dan Gulo (1987) juga menjelaskan konflik adalah proses sosial yang berkembang apabila individu tidak bersetuju dengan satu sama lain tentang idea, perasaan, atau tingkah laku.

Antara sarjana lain yang turut memberikan pandangan berkenaan dengan konflik ialah John Wear Burton (1990: 2) yang menegaskan konflik berkemungkinan sukar dikawal dan membawa kepada tingkah laku yang menjelaskan keselamatan fizikal dan psikologikal, dan perkembangan masa depan individu, kumpulan, masyarakat atau negara yang berkenaan. Burton berpendapat bahawa punca-punca yang membawa kepada berlakunya konflik adalah disebabkan oleh sikap atau tingkah laku yang bersifat prejudis sama ada secara fizikal atau psikologikal terhadap pihak lain. Sifat prejudis seperti ini telah memberikan kesan kepada kedua-dua pihak yang akhirnya akan membawa kepada konflik yang berlaku. Hal ini kerana dalam karya sastera, konflik dianggap sebagai suatu struktur yang membina karya tersebut untuk dijadikan sebagai sebuah karya yang utuh. Perkara ini selari dengan pandangan daripada sarjana sastera sendiri seperti Noriah Taslim (1993: 110) yang menyatakan bahawa sering konflik dirangsang secara mudah melalui organisasi watak yang amat berbeza. Pembinaan konflik melalui watak-watak dalam sesbuah naratif ini akhirnya akan menimbulkan khalayaknya. Oleh itu, jelaslah bahawa kehadiran konflik dalam sesbuah karya sastera menjadikan karya tersebut lebih dinamik.

Selain itu, konflik merupakan sesuatu yang tidak asing lagi dalam kehidupan manusia dan sentiasa melingkari kehidupan mereka. Menurut Nor Ruadhah (2006, p. 46), manusia tidak pernah terlepas daripada menghadapi konflik, sama ada konflik dalaman atau konflik luaran. Konflik tidak seharusnya dilihat dari sudut negatif sahaja. Dari sudut positif, konflik boleh menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Hal ini kerana konflik yang timbul kadangkala dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Konflik

yang berlaku dalam kehidupan menjadikan manusia lebih matang dalam membuat sesuatu keputusan. Perbezaan pendapat merupakan faktor utama tercetusnya sesuatu konflik.

Menurut Malike (2008 : ix) mengatakan bahawa perkara yang sama kerana menganggap konflik selalu juga dilihat sebagai “Percanggahan, pertelingkahan, perbezaan dan persaingan dan suatu persepsi timbul bahawa konflik itu adalah suatu yang negatif dan tidak dikehendaki dalam kehidupan kerana konflik akan menimbulkan pelbagai kesan negatif seperti perpecahan, pergaduhan, kecederaan, kekecewaan, kekalahan, kemusnahan dan kematian”.

Konflik ialah perselisihan, pertentangan dan tidak sehaluan yang boleh berlaku antara individu, kumpulan, organisasi maupun masyarakat. Abdullah dan Ainon (2002: 69) berpendapat bahawa konflik berlaku apabila tidak ada titik pertemuan atau persetujuan dalam berkomunikasi. Sebaliknya, yang akan timbul hanyalah pergeseran dan perbezaan. Melalui definisi ini dapat mentarifkan konflik sebagai perkara yang menjadi pembolehubah dalam sesuatu hubungan dalam berinteraksi.

Manakala menurut Zulnaidi (2010) konflik digambarkan sebagai wujudnya ketegangan, ketidakselarian, ketidakharmonian dan perbezaan antara dua atau lebih individu. Devito (1986: 68) dalam bukunya, *The Communication Handbook: A Dictionary* mentakrifkan konflik sebagai, “*An extreme form of competition in which a person attempts to bring his or her rival to surrender with, or harming another individual; interpersonal disagreement*”. Hal ini dapat memberi gambaran yang lebih terperinci tentang kajian yang dilakukan melalui unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda*.

Menurut Webster (2016) dalam Modul Sosiologi "conflict" dalam bahasa Inggeris ditakrifkan sebagai pertempuran, peperangan, atau perjuangan yang berbentuk konfrontasi fizikal antara pelbagai pihak. Kemudian, "percanggahan pendapat atau penentangan yang tajam terhadap pelbagai minat, idea, tanggapan, dan lain-lain telah ditambahkan pada definisi perkataan. Sehingga komponen psikologi yang berada di sebalik konflik fizikal itu sendiri turut disertakan dengan istilah "konflik".

Pengkaji menggunakan terminologi yang digagaskan oleh Noriah Taslim (1993:110) dalam memberikan penerangan berkaitan dengan istilah konflik dalam kajian ini. Beliau juga turut menyatakan sifat prejudis yang dibawa oleh mana-mana

individu akan memberikan kesan dan impak yang berat kepada kedua-dua pihak yang terlibat sama.

### 1.8.2 Sosiologi

Sosiologi, sebagai bidang kajian masyarakat dan tingkah laku sosial, telah ditakrifkan oleh pelbagai tokoh penting dalam sejarahnya. Émile Durkheim sering dianggap sebagai salah seorang pengasas sosiologi, mendefinisikan sosiologi sebagai kajian fakta sosial. Menurutnya, fakta sosial ialah cara bertindak, berfikir dan merasakan yang berada di luar individu dan mempunyai kuasa untuk memaksa dan mengawalnya. Manakala Max Weber pula mendefinisikan sosiologi sebagai sains yang berusaha memahami tindakan sosial untuk menerangkan sebab dan akibatnya. Tindakan sosial, menurut Weber, adalah tindakan di mana individu berorientasikan tingkah laku orang lain.

Selain itu, Karl Marx. Walaupun Marx sendiri tidak mendefinisikan sosiologi secara eksplisit, sumbangannya sangat berpengaruh dalam perkembangan teori sosial. Beliau memberi tumpuan kepada analisis struktur kelas dan konflik sosial, terutamanya bagaimana ekonomi mempengaruhi struktur sosial. Manakala Auguste Comte dianggap sebagai "Bapa Sosiologi", Comte mendefinisikan sosiologi sebagai sains yang mengkaji fenomena sosial menggunakan kaedah saintifik. Bagi Comte, matlamat sosiologi adalah untuk mencapai pemahaman saintifik masyarakat dan untuk meningkatkan kebijakan sosial.

Seterusnya, Herbert Spencer menggambarkan sosiologi sebagai sains evolusi sosial. Beliau membandingkan masyarakat dengan organisma hidup yang berkembang dan menyesuaikan diri, dan beliau menekankan kepentingan memahami struktur dan fungsi masyarakat untuk memahami evolusinya. Menurut C. Wright Mills mendefinisikan sosiologi sebagai kajian tentang hubungan antara individu dan masyarakat. Beliau menekankan konsep "imajinasi sosiologi", iaitu kebolehan memahami bagaimana kehidupan peribadi seseorang individu dan sejarah masyarakat saling berkaitan. Oleh itu, sosiologi dapat ditakrifkan dan diguna pakai dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji melalui tajuk unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda* berdasarkan teori sosiologi.

## 1.9 Organisasi Bab

Dalam melengkapkan kajian ini, pengkaji telah melengkapkan Bab 1 sehingga bab 5. Pembahagian ini dilakukan untuk kelihatan lebih tersusun dan teratur. Dalam bab ini juga membincangkan mengenai takrifan dan latar belakang mengenai unsur-unsur konflik dan juga teori sosiologi. Selain itu, objektif dan persoalan, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan organisasi bab juga diungkapkan dalam bab 1.

### Bab Satu

Pengkaji memulakan penulisan dengan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan akhir sekali ialah rumusan. Dalam bab 1 ini, ia akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan keseluruhan penghasilan penulisan kajian ini dijalankan.

### Bab Dua

Bab ini membincangkan berkaitan tinjauan literatur. Dalam bab ini melihat kepada kajian-kajian lepas yang dikaji oleh pengkaji terdahulu. Dalam penulisan bab 2 ini, pengkaji perlu meneliti dengan lebih lanjut terhadap kajian-kajian yang dihasilkan oleh para sarjana terdahulu. Proses penelitian dan pembacaan menentukan sama ada kajian ini pernah dihasilkan atau sebaliknya terhadap aspek konflik oleh penyelidik terdahulu. Setiap penemuan penting daripada kajian ini akan digunakan sebagai sumber maklumat untuk membantu memahami fokus kajian terhadap komponen konflik. Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang boleh dirujuk kerana bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Dalam pada itu, kajian literatur dalam bab ini akan dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu merujuk kepada konflik, novel dan juga teori sosiologi.

### Bab Tiga

Dalam bab ini pula membincangkan tentang metodologi kajian yang akan menerangkan berkaitan kaedah yang akan digunakan merangkumi rekabentuk, kaedah, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan instrumen yang akan diterangkan melalui kajian ini. Kajian yang dilakukan ini dapat mengukuhkan lagi dapatan hasil kajian. Kajian dilaksanakan berpandukan kepada kaedah kualitatif seperti kaedah

analisis teks dan kaedah kepustakaan. Seterusnya teori sosiologi ini diterapkan dalam kajian bagi memperoleh analisis dan hasil dapatan kajian yang lengkap, padat, terperinci, teratur dan kemas.

### **Bab Empat**

Di dalam bab ini akan membincangkan dan menjelaskan tentang dapatan kajian yang telah dilakukan. Pengkaji telah menganalisis dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kajian terhadap analisis teks di dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah. Pengkaji telah mendapat terdapat unsur-unsur konflik dalam cerita tersebut dan telah menggunakan teori sosiologi. Unsur-unsur konflik merupakan sesuatu perselisihan atau pertentangan antara individu yang menyebabkan berlakunya konflik tersebut dan diharapkan dapat menyelesaikan konflik tersebut dengan baik dan menjadi contoh kepada masyarakat.

### **Bab Lima**

Di dalam bab ini, merupakan kesimpulan di akhir kajian yang akan dijalankan ini. Bahagian ini pengkaji akan merumuskan kesimpulan secara keseluruhan yang telah didapati semasa menjalankan kajian ini berdasarkan kepada objektif kajian yang telah digunakan pada peringkat awal kajian ini dijalankan. Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang telah dilakukan turut mempunyai cadangan pada bahagian tersebut.

### 1.1.0 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan dan mentafsirkan beberapa aspek penting berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian ini dilakukan adlah untuk melibatkan unsur-unsur konflik dalam novel *Ayahanda* menggunakan teori sosiologi. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini juga akan mengetengahkan konflik yang sering terjadi dalam kalangan masyarakat, individu atau negara. Hal ini demikian kerana konflik bukan sesuatu perkara yang harus dipandang dengan negatif malahan terdapat perkara yang positif yang dapat memberi pengajaran kepada seseorang individu. Dalam bab ini juga berkait rapat dengan bahagian-bahagian yang merupakan aspek yang perlu dibincang dan dikaji serta menjadi landasan kepada bab-bab seterusnya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan tentang tinjauan kajian lepas. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada bab ini pengkaji akan menyenarai serta membincangkan tentang tinjauan kajian-kajian sebelumnya yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pada bahagian ini juga, pengkaji telah meneliti beberapa aspek kajian sebelumnya yang membawa perkaitan tentang novel, pendekatan teori, unsur-unsur serta tinjauan-tinjauan kajian lepas yang berkaitan.

Penilaian penyelidikan terdahulu ini cuba mengenal pasti sebarang jurang dalam kajian terdahulu tersebut dan berfungsi sebagai asas kepada penyelidik untuk membina kajian baharu. Hal ini dipercayai berlaku bagi membolehkan pengkaji menjalankan kajian yang berbeza daripada kajian terdahulu. Untuk mendapatkan sumber yang lebih baik, pengkaji akan menjalankan tinjauan secara berkala dalam bab ini berkenaan dengan kajian.

Sorotan kajian lepas merupakan bahagian yang membincangkan mengenai kajian yang pernah dilakukan oleh para sarjana terdahulu berdasarkan tajuk kajian itu Unsur-unsur Konflik yang terdapat dalam Novel *Ayahanda* berdasarkan Teori Sosiologi. Secara dasarnya, kajian literature ini merupakan analisis yang dilakukan secara sistematik daripada artikel ilmiah dan sumber buku yang berkaitan dengan skop utama kajian. Kajian literatur ini juga mendedahkan mengenai pengenalpastian dan penilaian kritikan yang telah sedia ada dengan merujuk daripada sarjana terdahulu.

Kajian literatur ialah tinjauan komprehensif sumber ilmiah mengenai topik tertentu. Ia dijalankan untuk memberikan gambaran keseluruhan pengetahuan dan pemahaman semasa, termasuk penemuan substantif serta sumbangan teori dan metodologi kepada topik tertentu. Ulasan literatur adalah sumber sekunder dan tidak melaporkan kerja eksperimen baharu atau asli. Tinjauan literatur ialah analisis kritikal tentang perkara yang telah ditulis oleh penyelidik lain tentang topik kajian tersebut.

## 2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Konflik.

Faziela Abu Bakar @ Che Din (2016) telah mengkaji berkenaan dengan *Unsur Emosi dan Konflik dalam Novel Komsas Pilihan*. Sesetengah individu menganggap bahawa novel-novel seperti *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan sebagainya dikatakan tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan bacaan pelajar. Objektif yang terdapat di dalam kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis unsur psikologi yang telah diungkapkan oleh pengarang di dalam setiap karya yang dilakukan olehnya. Di samping itu, kajian yang dilakukan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis teks sebagai medium yang digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat unsur dari sudut emosi dan konflik yang dihadapi oleh watak dalam novel tersebut dengan menggunakan pendekatan psikologi. Kajian ini melibatkan tentang unsur konflik yang merangkumi ramai pihak dan mempunyai kedekatan dengan emosi para remaja. Perbezaan yang dapat dilihat dalam kajian ini dengan pengkaji adalah melalui unsur konflik yang terjadi antara ayah dan anak yang menyebabkan mereka tidak sehaluan dan kajian ini menekankan tentang hubungan kekeluargaan menunjukkan perbezaan dengan kajian lepas iaitu ia melihat kepada emosi yang dibawa dalam menghadapi konflik yang melintang.

Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) pernah membuat kajian yang berkaitan dengan *Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih*. Objektif yang terdapat di dalam kajian ini adalah untuk mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji. Dalam kajian ini metodologi yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan menganalisis teks dalam mendapatkan data di dalam kajian ini. Hasil kajian dapat terdapat aspek konflik yang menyentuh kepada konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik rakan sebaya yang diutarakan di dalam novel remaja pilihan ini. Kajian ini menekankan tentang pembentukan dan perkembangan sahsiah yang baik menjadi asas kepada remaja dalam menentukan perkara yang baik atau buruk yang patut disemai ke dalam diri mereka. Terdapat juga aspek-aspek yang positif menggambarkan cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh remaja dalam meneruskan kelangsungan hidup. Perbezaan kajian yang dijalankan dengan kajian lepas adalah dengan melihat objektif yang dipaparkan berbeza dalam mendapatkan hasil dapatan kajian yang menepati.

Selain itu, Nurul Hilwany Che Shaffine, Mohd Zariat Abdul Rani, Norazlina Mohd Kiram & Muhd Zulkifli Ismail (2020) telah melakukan kajian yang bertajuk *Konflik Percintaan dalam Novel Adam dan Hawa karya Aisyah Sofea*. Dalam kajian ini memfokuskan tentang manipulasi aspek konflik percintaan yang terdapat di dalam novel tersebut. Objektif yang diperoleh di dalam kajian ini ialah menganalisis manipulasi konflik dalam novel *Adam dan Hawa* dan merumuskan peranan konflik dalam pembikinan naratif novel tersebut. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan analisis teks dalam mendapatkan maklumat mengenai novel tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa cerita yang berlebaran di dalam novel *Adam dan Hawa* merupakan konflik percintaan yang dapat diketengahkan. Kajian yang dilakukan di dalam novel ini memberi sedikit pengajaran dalam menjaga hubungan yang baik antara sesama manusia. Kajian lepas menekankan tentang konflik dalam percintaan yang merupakan perkara yang agak tidak memberi manfaat terutama dalam kalangan pelajar. Konflik dalam kekeluargaan sering menjadi buatan sehingga hari ini dan terdapat beribu-ribu kes yang melibatkan konflik dalam kekeluargaan ini. Hal ini memberi peluang kepada kajian ini untuk merungkai beberapa elemen yang terjadi bagi melengkapkan kajian ini.

Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria (2017) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga*. Dapat dilihat bahawa objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah mengenal pasti gaya pengurusan konflik yang terdapat dalam novel *Saga* berdasarkan peristiwa yang dipaparkan, menganalisis gaya pengurusan konflik dan kesannya terhadap institusi kekeluargaan dan merumuskan gaya pengurusan konflik yang dapat mengelakkan berlakunya perpecahan dalam keluarga. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Dapatkan kajian yang dapat diperoleh di dalam kajian ini menunjukkan bahawa konflik berlaku disebabkan oleh rasa malu dan aib yang boleh menjelaskan ‘wajah’ individu dan keluarga. Kajian ini menerangkan tentang setiap gaya pengurusan konflik yang dipilih boleh menjelaskan hubungan keluarga secara positif atau negatif. Kemungkinan terdapat kelompongan terhadap perkara yang dibincangkan dalam kajian lepas tentang gaya pengurusan yang dilakukan dan berbeza dengan kajian yang dilakukan dalam menyedarkan masyarakat dalam menjaga hubungan baik dengan keluarga.

Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Noor Syamshida Massa (2022) telah menghasilkan kajian yang berkaitan dengan *Konflik Jiwa dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Makalah tersebut bertujuan menjelaskan tentang konflik jiwa yang dialami oleh watak utama di dalam novel tersebut. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini melalui pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dengan merujuk novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015) sebagai sumber utama dalam pengumpulan data. Dapatkan kajian menunjukkan watak Zainuddin yang berhadapan dengan pelbagai konflik jiwa. Kajian ini memberi pendedahan yang dapat menganalisis dan menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh watak Zainuddin ini. Konflik yang dikaji merupakan kajian yang berbeza dengan pengkaji kerana kajian dilakukan adalah untuk melihat kepada kasih sayang ayah kepada anaknya yang memberikan pandangan yang berbeza di samping memberikan peringatan kepada masyarakat supaya jangan sesekali menyimpan dendam terhadap ahli keluarga lebih-lebih lagi kepada kedua-dua ibu bapa yang telah membesar dan menjaga sejak kecil lagi.

Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2022) telah melakukan kajian yang bertajuk *Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu*. Dalam kajian ini juga dapat dilihat objektif yang ditekankan ialah mengenal pasti watak-watak yang mengalami pertembungan konflik diri dan juga menganalisis konflik diri watak wanita pilihan melalui teori psikoanalisis. Kajian tersebut berbentuk kualitatif di mana ia menggunakan kaedah kepustakaan dan menganalisis teks bagi mendapat maklumat yang yang terkandung di dalam teks tersebut. Hasil kajian juga memperlihatkan tentang konflik diri di dalam watak wanita itu berdasarkan prinsip struktur personaliti manusia yang mempunyai tiga elemen yang diperkenalkan oleh Freud iaitu id, ego dan superego. Dapat disimpulkan bahawa daripada analisis ini terbukti bahawa konflik yang dialami oleh wanita tersebut mempunyai pelbagai rintangan yang mengundang kejatuhan sesebuah sistem politik negara. Kajian lepas menekankan tentang sistem politik negara yang berbeza dengan kajian yang dijalankan kerana ia lebih menekankan tentang sistem kekeluargaan yang menjadi perkara penting yang harus dikawal sebelum berlaku perkara yang tidak diingini.

Sri Wahyuni (2015) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Konflik Tokoh Utama dalam Novel Cinta Putih Di Bumi Papua (CPBP)* karya Dzikry El Han : Kajian

*Sosiologi Sastra.* Objektif yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah mendeskripsikan jenis konflik tokoh utama dalam novel CPBP karya Dzikry El Han melalui kajian Sosiologi Sastera, untuk mendeskripsikan penyebab konflik tokoh utama di dalam novel CPBP karya Dzikry El Han melalui Sosiologi Sastera dan juga untuk mendeskripsikan akibat konflik tokoh utama dalam novel CPBP karya Dzikry El Han melalui kajian Sosiologi Sastera. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan penelitian kualitatif dengan deskripsi analisis. Dari hasil penelitian dapat disimpulkan bahawa novel CPBP karya Dzikry El Han terdapat konflik tokoh utama iaitu konflik inter-individu, konflik antara individu dan konflik antara kelompok sosial. Hal ini terjadi disebabkan oleh perbezaan antara anggota masyarakat. Jelaslah bahawa, konflik dapat memusnahkan seseorang individu yang tidak bersalah ke dalam kelompok yang tidak sihat.

Endah Meigita (2018) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Konflik Batin Tokoh Mei Rose Dalam Novel Surga Yang Tak Dirindukan Karya Asma Nadia (Kajian Psikologi Sastra Kurt Lewin)*. Objektif yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah menganalisis konflik batin yang terdapat di dalam novel *Surga Yang Tak Dirindukan* karya Asma Nadia dan juga mengenalpasti cara menyelesaikan konflik batin tokoh Mei Rose. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah menggunakan teknik kepustakaan dan menganalisis teks. Hasil kajian mendapati ia meliputi tiga bentuk konflik batin dan cara tokoh Mei Rose mengatasi konflik batin di dalam novel tersebut. Dapat disimpulkan bahawa konflik yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik dan harmoni.

Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) menghasilkan kajian yang bertajuk *Unsur Konflik Dalam Novel Nenek Karya Razali Endun*. Objektif kajian dapat dilihat di mana ia untuk mengklasifikasi dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel *Nenek* dari perspektif humanistik Abraham Maslow. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu penelitian data deskriptif. Daripada penelitian di dalam novel *Nenek* ini menunjukkan beberapa aspek konflik seperti konflik individu, politik, ekonomi dan keluarga. Mereka berhadapan dengan konflik yang meleraikan masalah yang membebankan hidup mereka. Jelaslah bahawa, dalam kajian ini ia berjaya memberikan kontemporari berdasarkan paparan konflik semasa yang ada di dalam novelnya.

Di samping itu, Nur Hanani Najwa binti Md. Khairi & Che Abdullah Che Ya (2018) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Analisis Konflik Dalam Lara : Satu Pendekatan Psikologi*. Kajian ini melihat tentang konflik intrapersonal dan konflik interpersonal dalam *Lara* karya Azmah Nordin. Objektif yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah menganalisis jenis konflik yang ada di dalam novel *Lara* karya Azmah Nordin. Pendekatan yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian. Hasil kajian dapati watak-watak di dalam novel *Lara* mempunyai konflik intrapersonal dan konflik interpersonal yang wujud disebabkan oleh isu-isu yang berlaku di sekelilingnya khususnya isu yang berkaitan dengan korupsi yang berlaku dalam dunia perubatan. Jelaslah bahawa, konflik mempunyai pelbagai kategori yang menyebabkan tercetusnya konflik di dalam kalangan masyarakat.

Sudirman Kiffli (2020) dengan tajuk kajiannya iaitu *Kehadiran Konflik dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konflik yang berlaku di dalam teks Syair Siti Zubaidah Perang China yang dikesan melalui peristiwa-peristiwa penting yang terdapat dalam bait-bait syair. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mempelbagaikan bahan rujukan dan sumber bagi memberikan sudut pandang yang lebih meluas dalam penghasilan perbincangan. Hasil dapatan yang diperoleh melalui kajian ini ialah elemen keperluan, elemen nilai dan juga keinginan. Konflik dapat dirumuskan bahawa ia merupakan satu elemen yang penting yang menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai ‘hidup’.

Mohd Zulkifli Muhammad, Minah Japang & Mohd Faisol Ibrahim (2010) telah melakukan kajian yang bertajuk *Gaya Pengurusan Konflik Antara Pengurus-Subordinat Menurut Perspektif Islam: Kajian Empirikal Di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa*. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat gaya pengurusan konflik dalam tetapan organisasi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif yang dijalankan di kalangan 62 kakitangan yang terdiri daripada kedua-dua perhubungan jawatan pengurusan subordinat. Hasil dapatan kajian melibatkan sampel bersaiz 62 individu daripada kesemua individu yang berkhidmat dalam pelbagai institusi perbankan. Jelaslah, kajian ini membincangkan beberapa gaya penyelesaian konflik utama berdasarkan Inventori

Konflik Organisasi-II (ROCI-II) dengan sedikit pengubahsuaian terhadap etika kerja Islam yang diadaptasi daripada al-Quran dan Hadis.

Nor Ba'yah Abdul Kadir, Nor Hazila Mat Lazim & Siti Marziah (2019) dengan tajuk kajiannya iaitu *Konflik Peranan Dalam Kalangan Ibu Bekerjaya: Analisis Kajian Daripada Pelbagai Negara dan Era*. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor yang menyebabkan konflik yang berlaku sebagai seorang ibu dan isteri demi menjaga keharmonian dan ketahanan mental apabila bekerja. Melalui kajian ini dapat dilihat konflik dalam kalangan ibu bekerja memberi tekanan kepada mereka dalam kehidupan seharian. Dengan adanya kajian ini secara tidak langsung memberi pengetahuan kepada mereka terhadap konflik yang dialami oleh ibu yang bekerja dalam menghadapi cabaran hidup. Jelaslah, dalam mengatasi isu konflik ini seharusnya mengemukakan pelbagai cabaran yang berguna demi menjaga kesejahteraan psikologi wanita dan ibu khusunya.

Siti Salmah Sedik (2015) telah melakukan kajian yang bertajuk *Hubungan Antara Konflik Interpersonal Dengan Kesejahteraan Psikologi Organisasi Dalam Kalangan Pegawai Imigresen Negeri Johor*. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat hubungan antara konflik interpersonal dengan kesejahteraan psikologi organisasi dalam kalangan pegawai imigresen di Negeri Johor. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik terhadap responden yang berjumlah 248 orang. Dapatkan kajian tapi dilihat melalui tahap konflik interpersonal dengan kesejahteraan psikologi organisasi adalah di tahap yang sederhana. Jelalaslah, kajian ini menunjukkan konflik interpersonal yang berlaku di dalam sesebuah organisasi dalam kalangan pegawai imigresen.

Mohammed Sani Ibrahim, Mohf Izham Mohd Hamzah & Jainabee Md Kassim (2007) dengan kajian yang bertajuk *Tahap Pengurusan Konflik Dalam Kalangan Guru Besar- Guru Besar Dan Guru-Guru Di Sekolah Rendah*. Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan guru dan pentadbir sekolah terhadap amalan dalam pengurusan konflik di sekolah rendah. Objektif kajian yang dapat diketengahkan ialah faktor-faktor kewujudan konflik, tahap-tahap konflik, kesan konflik serta gaya dan pendekatan yang diamalkan untuk mengurus konflik. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu instrument soal selidik yang dapat diadaptasikan daripada lima soal selidik dalam

mengukur mod pengurusan konflik. Dengan adanya kajian ini ia dapat mengentengahkan konflik yang terjadi di dalam kalangan guru-guru. Jelaslah, setiap pentadbiran sekolah perlu memahami punca-punca yang menyebabkan konflik ini terjadi dan pendekatan pengurusan yang dapat digunakan dalam menangani konflik ini.

Ag Mohd Ruslaimie Masli & Kee Y Sabariah Kee Mohd Yusoff (2019) telah melakukan kajian yang bertajuk *Hubungan Antara Pendekatan Pengurusan Konflik, Persepsi Sokongan Organisasi Dan Emotional Labor: Satu Ulasan Literatur*. Kajian ini bertujuan untuk mengekspresi emosi pekerja ketika berhadapan dengan situasi kerja yang sebenar dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan. Melalui kajian ini mendapati bahawa dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan konflik merupakan strategi seseorang individu apabila berhadapan dengan konflik yang sering berlaku dalam organisasi dapat mempengaruhi emosi seseorang pekerja. Dengan adanya kajian ini secara tidak langsung dapat memahami cara sesebuah konflik itu berlaku. Jelaslah, penelitian awal ini memerlukan sokongan dalam menentukan hala tuju berkaitan pendekatan pengurusan konflik.

Suraya Wen (2014) dengan kajian yang bertajuk *Kajian Mengenalpasti Isu Dan Punca Konflik Yang Mempengaruhi Tahap Keharmonian Masyarakat Di Malaysia Bagi Tahun 2011 Dan 2012*. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu dan punca konflik di kalangan masyarakat untuk mengelak daripada tercetusnya konflik. Melalui kajian ini dapat mengenalpasti isu dan konflik yang berlaku di kalangan masyarakat Malaysia. Dengan adanya kajian ini secara tidak langsung dapat mencegah dan mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan terjadinya konflik di kalangan masyarakat. Jelaslah, pengurusan konflik yang lebih tepat dapat mengelakkan konflik yang lebih serius di masa hadapan.

Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Ahmad, Nasihah Hashim & Arina Johari (2022) telah mengkaji berkenaan dengan *Unsur Konflik Dalam Kartun ‘Aku Budak Minang’: Kajian Dari Perspektif Psikologi*. Objektif kajian ini ialah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam kartun ‘Aku Budak Minang’ daripada perspektif psikologi menggunakan teori Humanistik Abraham Maslow. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dan kepustakaan dalam memperoleh hasil dapatan kajian yang sesuai bertepatan dengan objektif yang dinyatakan. Hasil kajian mendapati teks kartun ini menyentuh tentang

aspek konflik seperti konflik keluarga, konflik diri dan konflik rakan sebaya. Kajian ini menekankan bahawa konflik yang berlaku kepada watak mampu untuk ditangani oleh remaja yang berkonflik apabila melihat dari sudut yang positif. Jelaslah, konflik yang terjadi dalam kartun Aku Budak Minang ini mempunyai jalan penyelesaian dalam menangani konflik yang berlaku dalam kehidupan setiap individu dan masyarakat.

Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon & Nursyafiqa Bokhari (2018) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Faktor Konflik Rumahtangga Dan Kaedah Mengatasinya: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematis*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengatasi konflik yang berlaku dalam rumahtangga dan faktor terjadinya konflik tersebut yang menjadi semakin buruk. Melalui kajian ini dapat mengentahkan faktor yang menjurus kepada keruntuhan sesebuah keluarga akibat konflik yang terjadi. Dengan adanya kajian ini ia dapat melihat kepincangan yang menyumbang kepada faktor ini terbentuk dan cari mengatasinya. Hasil kajian mendapati konflik yang muncul dalam rumahtangga ini disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Jelaslah, konflik yang berlaku dalam rumahtangga amat membimbangkan kerana boleh menjurus kepada keruntuhan sesebuah institusi keluarga.

Tracy Soidi & Agnis Sombuling (2016) dalam kajian yang bertajuk *Pengaruh Konflik Kerja dan Keluarga Terhadap Kepuasan Keibubapaan Dalam Kalangan Ibu Bekerja*. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji hubungan konflik kerja dan keluarga dengan kepuasan keibubapaan. Melalui kajian ini ia dapat mengentahkan konflik yang dialami oleh seorang ibu dalam menjalankan tugas sebagai seorang pekerja dan juga sebagai seorang ibu yang menguruskan hal rumahtangga. Hasil kajian mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara konflik kerja dan keluarga terhadap kepuasan keibubapaan. Hal ini jelas terlihat di samping menjadi ibu bapa yang baik sukar untuk mendapat kepuasan keibubapaan yang rendah dalam kalangan ibu bekerja. Jelaslah, sukar buat ibu bekerja di samping menjadi seorang ibu yang baik dalam menguruskan hal rumahtangga.

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Pendidikan Anak-anak Menerusi Surah Luqman dalam novel Ayahanda*. Objektif yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah menganalisis terhadap pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dengan tujuun untuk memperlihatkan pendidikan yang berasaskan al-Quran yang berupaya membimbang dan mendidik anak-anak. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kemasyarakatan yang terkandung di dalam teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka analisis yang dijalankan. Hasil kajian mendapatkan bahawa pendekatan kemasyarakatan bersesuaian untuk diterapkan dalam kajian ini sebagai wadah untuk pendedahan kepada permasalahan yang wujud dalam masyarakat demi mencari kebaikan dan keadilan seperti yang dituntut dalam Islam. Perbezaan kajian dengan kajian lepas adalah melalui objektif yang diterapkan dan diutarakan dalam kajian yang menekankan kepada konflik yang menjadi perkara yang mendapat perhatian yang lebih dalam masyarakat.

Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan (2016) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Pemikiran dalam novel Sebalik Yamashita dan Percivel*. Objektif yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah mengenalpasti aspek pemikiran yang diutarakan oleh pengarang khususnya dalam novel yang telah dipilih dan juga membincangkan gambaran masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel yang dipilih. Hasil kajian ini dikaji dan dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian adalah bagi melengkapkan nilai yang terkandung dalam novel ini dan pengarang ingin mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang terkandung dalam novel ini. Kajian ini juga penting dalam mendedahkan pemikiran dan stil yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya khususnya novel. Kajian lepas menekankan kepada gambaran masyarakat yang merupakan kunci kepada kajian ini manakala kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan melihat konflik atau masalah yang timbul dalam keluarga yang menjadi topik yang hangat dalam kalangan masyarakat atau media sosial.

Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain, Asbab Razali & Natasah Mat Madmin (2020) menghasilkan kajian yang bertajuk *Pemikiran dalam novel Semanis Kyoho karya Ghazali Lateh*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan aspek pemikiran yang terdapat dalam novel remaja Semanis Kuho karya

Ghazali Lateh. Kajian ini menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kaedah kepustakaan dalam memperoleh data daripada manuskrip yang diinginkan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua aspek pemikiran yang dominan dalam novel Semanis Kyuho ini, iaitu pemikiran dari aspek sosioekonomi, seperti kemiskinan dan kesempitan hidup penduduk kampung dan yang kedua pemikiran dari aspek sosiobudaya, seperti masyarakat yang mementingkan pendidikan untuk masa hadapan. Kajian lepas lebih menekankan kepada pemikiran dalam novel yang dikaji manakala kajian yang dilakukan dikaitkan dengan konflik yang sering dipandang negatif tetapi terdapat perkara yang baik dalam menganalisis konflik tersebut dan menjadi perbezaan kepada kajian ini dengan kajian lepas.

Nurul Hilwany Che Shaffine (2018) pernah membuat kajian yang berkaitan dengan *Ilmu dalam novel Popular* karya Aisyah Sofea berdasarkan Persuratan Baru. Objektif yang dapat dilihat iaitu menganalisis kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisyah Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru, dan merumuskan kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisyah Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif. Hasil kajian mendapati novel-novel popular yang dikaji memaparkan ekspresi kewanitaan melalui penggunaan bahasa yang berkaitan dengan aspek kejiwaan. Kebanyakkan novel popular termasuk novel Aisyah Sofea didapati menggarap tema-tema serius seperti kekeluargaan, atau menyulamkan tema-tema percintaan dengan persoalan-persoalan yang serius. Dalam kajian lepas ia menggunakan novel popular yang menjadi bahan kajian kepada kajian tersebut manakala pengkaji menggunakan novel Ayahanda kerana pengkaji melihat teks yang ditulis membawa erti yang mendalam yang menarik pengkaji untuk memilih teks tersebut.

Muhd Norizam Jamian & Nursyaza Ilyana Shahruddin (2020) telah membuat kajian yang bertajuk *Kepimpinan Wanita dalam novel Matriark* karya Samsiah Mohd. Nor. Objektif yang terhasil dari kajian ini ialah menganalisis ciri-ciri kepimpinan yang membentuk citra wanita sebagai pemimpin dalam novel Matriark. Metodologi kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif yang merangkumi dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Analisis yang dapat dikeluarkan dari kajian ini mendapati bahawa ciri-ciri yang membina citra kepimpinan wanita dalam novel Matriark boleh dikupas berdasarkan empat dimensi, iaitu karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual. Kajian lepas menekankan kepada

kepimpinan wanita yang merupakan satu kajian yang banyak yang dilakukan oleh pengkaji lain manakala pengkaji menggunakan konflik untuk mengubah persepsi masyarakat tentang konflik yang dikaji mempunyai kelainan dan keunikkan yang lain dalam mengkaji kajian ini dengan lebih meluas.

Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae (2020) melakukan kajian yang bertajuk *Keunggulan Kepengarangan Novel-novel terpilih Anwar Ridhwan*. Objektif dalam kajian ini ialah mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel Naratif Ogonshoto dan novel Penyeberang Sempadan melalui teori Teksdealisme, menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan menggunakan teori Teksdealisme dan mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan teori Teksdealisme. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini merumuskan secara keseluruhan dari segala aspek bagi mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Kajian yang dilakukan adalah mendasari kepada keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih yang menggunakan beberapa novel untuk dikaji manakala pengkaji menggunakan hanya satu novel untuk mencari objektif dan persoalan yang dipaparkan dalam kajian.

Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Samsudin (2016) telah membuat kajian yang bertajuk *Analisis Watak dan Perwatakan dalam novel Sejambak Bakti karya Rejab Fi*. Objektif kajian yang dapat dilihat adalah untuk mengenal pasti watak dan perwatakan dalam novel Sejambak Bakti, menjelaskan watak dan perwatakan dan menganalisis novel menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif iaitu teknik pengumpulan data dengan menggunakan teknik perpustakaan dan percataan. Dapatkan kajian yang dapat diungkapkan iaitu menjelaskan watak utama, menejelaskan watak sampingan dan menganalisis watak dan perwatakan dalam novel Sejambak Bakti menggunakan unsur id, ego dan superego. Kelainan antara kajian ini dengan kajian dilakukan adalah kajian ini melihat kepada watak dan perwatakan untuk mendapatkan hasil daptan yang diinginkan manakala keunikkan yang kajian yang dilakukan adalah melihat kepada konflik yang sering dipandang negatif oleh ore lain.

Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Perwatakan dalam novel Komsas “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevan*. Objektif yang dapat ditemui di dalam kajian ini ialah menganalisis perwatakan dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Hasil analisis dapat disimpulkan melalui perwatakan watak dalam novel ini yang digambarkan sebagai seorang yang berdikari, bertanggungjawab, tidak bertindak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan. Kebanyakkannya kajian selalu menggunakan perwatakan atau perkara yang sinonim dengannya malahan pengkaji menggunakan perkara yang dianggap remeh dan dipandang negatif oleh segelintir kajian yang lain menguatkan pengkaji dalam mengkaji kajian tersebut.

Husairi Hussin & Nor Hasimah Ismail (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Kewakaran Novel-novel Pemenang Sayembara Diterjemahkan*. Terdapat dua objektif yang dinyatakan iaitu mengenal pasti sebab-sebab karya pemenang sayembara perlu diterjemahkan ke dalam bahasa asing dan menyenaraikan kekuatan atau kehebatan aspek sastera dalam karya tempatan. Keseluruhan kajian ini berbentuk kualitatif iaitu mengkaji data-data dan maklumat-maklumat di perpustakaan seperti jurnal, tesis, buku, majalah dan sebagainya untuk mencari perkaitan bagi memperoleh hasil kajian yang diinginkan. Hasil kajian mendapati karya pemenang sayembara perlu diterjemahkan ke bahasa asing kerana yang pertama mempunyai kekuatan aspek sastera yang sangat baik. Seterusnya, karya tersebut juga telah dinilai oleh panel hakim yang diiktiraf iaitu pakar dalam bidang tersebut dan yang terakhir ialah melalui cara terjemahan budaya tempatan yang menarik dan unik dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar. Kajian lepas mempunyai perkara yang berbeza dengan kajian yang dijalankan membuatkan kajian yang dilakukan sedikit istimewa kerana mengkaji kajian yang dianggap perkara yang sering diremehkan dan menjadi tanda tanya kenapa ingin membuat kajian tersebut.

Muhammad Yusuf, Susi Darihastining & Ahmad Syauqi Ahya (2022) membuat kajian yang bertajuk *Simbolisme Budaya dalam novel Darmagandhul (Kajian Etnosemiotik)*. Penelitian ini dijalankan bertujuan mendeskripsikan nilai etnik Jawa dalam novel Darmagandhul karya Ki Kalamwadi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ialah kaedah kualitatif deskriptif. Hasil kajian diperoleh antaranya adalah menentukan satuan iaitu kata atau kalimat, melakukan pembacaan secara teliti, peneliti mengidentifikasi dan mencatat data yang berupa symbol dalam Novel Darmagandhul

karya Ki Kalamwadi, mengodifikasi data, mengintepretasi data, analisis data dan pembahasan dalam penelitian ini dilakukan dengan teori Etnosemiotik.

Mastura Othman (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah kerana novel Srengenge merupakan karya yang penuh dengan nilai kemanusiaan yang dapat memberi sumber teladana dan ilmu pengetahuan kepada pembaca. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam novel Srengenge dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai tiang kepada pencarian maklumat dalam kajian berkenaan. Dapatkan kajian yang diperoleh antaranya novel tersebut mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang dapat memberikan penghayatan dan kefahaman kepada khalayak pembaca mengenai nilai-nilai kemanusiaan yang diketengahkan oleh penulis dalam novel Srengenge seterusnya dapat memberi contoh teladan yang baik dalam membentuk sebuah masyarakat yang memiliki moral dalam kehidupan sehari-hari mereka. Jelaslah, novel yang digunakan dapat memberikan nilai kemanusian yang dapat digunakan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.

Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa (2019) telah melakukan kajian yang bertajuk *Kritikan Sosial Dalam Novel-Novel Terpilih Karya Faisal Tehrani*. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pemikiran, idealisme, falsafah, kritikan dan pengamatannya terhadap isu-isu kemasyarakatan dan kemanusiaan yang berlaku di persekitarannya. Melalui kajian ini dapat melihat isu-isu kemasyarakatan yang terjadi dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pembacaan yang rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Dengan adanya kajian ini serba sedikit dapat memberi pengetahuan dalam melihat permasalahan-permasalahan sosial yang terjadi sebagai seorang penulis. Jelaslah, kajian ini memberi pendedahan terhadap kritikan sosial yang wujud dalam novel-novel karya Faisal Tehrani.

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Sosiologi.

Zahida Atiwa Abdul Wahab, Naizatul Nazira Abdul Aziz, Nur Arfadina Sukr, Nor Izzah binti A.Wahab, Nur Ayuni binti M.Aris & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) telah mengkaji berkenaan *Nilai Sosial Dalam Novel Srengenge Melalui Teori Sosiologi Sastera : Pendekatan Sosiologi*. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji nilai sosial dalam novel Srengenge melalui teori sosiologi sastera dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah menggunakan pendekatan teori sosiologi. Melalui proses ini juga dapat mengetahui bagaimana seseorang dapat berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain di dalam komuniti yang besar ini sehingga dapat diterima baik di kalangan sesebuah kelompok masyarakat.

Nor Aima Salsabila Mamat, Nurul Afiqah Zulkefli, Nurul Nabilah Shamsudin, Siti Munirah Sayuti, Siti Nur Anis Wan Abdullah, Siti Nur Syakira Ab Aziz & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Nilai Sosial Melalui Teori Pendekatan Sosiologi Dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang*. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah menggunakan pendekatan sosiologi untuk melengkapkan dan memurnikan kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektifnya iaitu mengenalpasti dan mengkaji nilai-nilai sosioal dalam filem Zombi Kampung Pisang dan menghuraikan nilai-nilai sosial melalui teori pendekatan sosiologi dalam Filem Melayu Zombi Kampung Pisang. Nilai sosioal melalui teori pendekatan sosiologi dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang sangat bagus kerana ia dapat mewujudkan kesejahteraan dan harmoni walaupun terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan.

Nurul Marlina Baderol & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Mengaplikasikan Sosiologi dalam drama Bulan Belum Kelam karya Roziah Adama* yang telah mengetengahkan tentang isu sosial masyarakat yang terpinggir di Malaysia. Objektif yang dapat dilihat melalui kajian ini ialah mengenalpasti apakah isu-isu sosial yang ingin disampaikan dan juga menganalisis isu-isu sosial dalam diri masyarakat melalui drama tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat unsur sosiologi yang telah diaplikasikan melalui kajian yang terdapat di dalam drama Buang yang telah melibatkan kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka dan penindasan bagi mereka yang bergolongan lemah.

Novita Linda Sari (2019) telah melakukan satu kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Sosial Dalam Novel Tentang Kamu Karya Tere Liye Kajian Sosiologi Sastra*. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendeskripsikan nilai-nilai sosial yang terdapat dalam Novel Tentang Kamu karya Tere Liye. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Hasil kajian mendapati bahawa nilai sosialnya yang terdapat di dalam novel tersebut mempunyai unsur kekerasan, pengkhianat dan sebagainya. Dalam pada masa yang sama terdapat juga nilai sosial yang positif seperti sabra, patuh, bantu membantu dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan teori sosiologi di dalam kajian mendapati bahawa nilai sosial yang ingin disampaikan mempunyai kesesuaian dengan teori yang digunakan iaitu teori sosiologi.

Sara Beden (2021) menjalankan satu kajian yang bertajuk *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya : Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kandungan novel Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya karya Dahiri Saini (2020) dari segi penulis dan teks, isu-isu sosial dan kesannya kepada khalayak. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan teks. Dapatkan hasil kajian menunjukkan bahawa pengarang seorang prolific dalam berkarya dan memaparkan pemikiran perjuangan pelbagai kaum di Sarawak sebagai saluran aspirasi masyarakatnya untuk maju dan membangun. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk mengangkat dan memartabatkan kaum Melanau dalam pelbagai bidang sebagai kaum yang disegani di Bumi Kenyalang.

Syafiqah Shaari & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dalam kajiannya bertajuk *Aspek Sosiologi dalam drama Buang Karya Roziah Adama*. Objektif yang dapat dilihat ialah mengenal pasti isu-isu sosial yang disampaikan oleh Roziah Adama. Kajian ini merupakan jenis feudal dengan reka bentuk kualitatif dirangka bagi menjawab persoalan tersebut. Dapatkan kajian yang dirakam dalam artikel ini adalah isu sosial yang terdapat dalam drama Buang adalah kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka, penindasan yang lemah. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat aspek sosiologi yang terdapat dalam drama Buang Karya Roziah Adama. Jelaslah, ia mengentengahkan aspek sosiologi dalam mengkaji drama tersebut.

## 2.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini telah menjadi suatu keperluan bagi pengkaji untuk melihat tentang skop kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh mereka untuk membezakan dengan kajian yang telah dilakukan ini. Kajian literatur ini juga dibuat oleh pengkaji lepas di mana mereka memberi bayangan awal kepada pengkaji untuk meneruskan kajian dengan sempurna dan dikukuhkan lagi dengan pemilihan teori yang sesuai untuk memantapkan lagi ruang lingkup kajian ini. Dengan adanya kajian-kajian lepas yang berkaitan, dapat membantu pengkaji untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan idea yang baru untuk melaksankan dan melengkapkan tugas yang dilakukan ini. Tambahan pula, melalui kajian literatur ini juga pengkaji dapat mengenalpasti setiap kekurangan dan kelemahan yang perlu dibaiki dan ditambah baik. Oleh itu, pemilihan teori sosiologi adalah suatu pilihan yang relevan dan tepat untuk menegungkap unsur konflik yang terdapat di dalam novel Ayahanda ini.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pendekatan kualitatif ialah satu proses untuk memerhati dan mengumpul data bertulis I Woyan Koyan (2014). Teknik yang dibangunkan adalah berdasarkan penggunaan maklumat latar belakang dan ditentukan daripada bentuk yang berbeza secara holistik. Hasilnya, pengkaji akan membincangkan beberapa tema utama dalam bab ini, termasuk reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan penggunaan teori untuk menghuraikan dan melaksanakan kajian ini dengan jayanya. Kajian kualitatif ialah kajian yang mana pengkaji memberi tumpuan kepada pendapat, mengemukakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data daripada pengkaji dalam bentuk perkataan atau teks, menerangkan dan menganalisis perkataan dalam bentuk tema, dan menjalankan pertanyaan secara berat sebelah dan subjektif. Penyelidikan yang bersifat kualitatif adalah kajian semula jadi yang tidak mematuhi keperluan statistik, justeru hasilnya tidak boleh digeneralisasikan (Schostak, John F,2002).


Tradisi tertentu dalam sains sosial yang secara asasnya bergantung kepada pemerhatian manusia di kawasannya sendiri dan berkaitan dengan orang tersebut dalam bahasa dan istilah mereka (Kirk & Miller, 1986) ialah pendekatan kualitatif yang juga merupakan prosedur penyelidikan yang menjana data yang boleh dilihat sebagai gambar (Lexy, 2007). Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ialah metodologi kajian yang melibatkan dalam melakukan penyelidikan ke atas unit sistem, seperti program atau satu siri peristiwa yang disambungkan oleh lokasi, masa, atau sambungan tertentu (Nana, 2005).Kajian kes dilakukan untuk memperoleh maklumat dan memahami sesuatu situasi. Menurut Cresswell (1998), proses pengumpulan data termasuk mencari tempat atau orang, mendapatkan akses dan mencipta rekod, menetapkan objektif sampel, mengumpul data, mendokumentasikan maklumat, menyelesaikan kesulitan di lapangan, dan menyimpan data. Menurut pandangan penyelidik, pendekatan kualitatif berusaha untuk memahami dan mentafsir kepentingan interaksi, peristiwa, dan tingkah laku manusia dalam konteks tertentu. Tujuan penyelidikan kualitatif adalah untuk memahami obejek yang dikaji secara meluas. Ia cuba untuk memupuk idea kepekaan terhadap isu yang dihadapi, menjelaskan realiti yang mengelilingi pencarian teori dari

bawah asas teori dan membangunkan pemahaman satu atau lebih peristiwa yang berlaku.

Selain itu, interpretatif, deskriptif, penyelidikan lapangan, kajian sejarah, kajian kes, data lisan, dan triangulasi data juga digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Makna, eseи, pemahaman, perkembangan fenomena, konteks, dan triangulasi juga merupakan konsep yang diamalkan. Ia juga cenderung kepada kajian bahasa, sosiologi, antropologi, dan sejarah. Sebaliknya, teknik kuantitatif mempertimbangkan matlamat untuk menguji hipotesis, membina fakta, menunjukkan perbezaan, menunjukkan pautan, meramalkan tingkah laku, dan menjelaskan statistik yang berlaku semasa memutuskan matlamat. Ia berbeza dengan pendekatan kualitatif, yang bertujuan untuk membangunkan teori, mendalami pengetahuan, menghuraikan fakta, mewakili kejadian secara semula jadi, dan menceritakan kejadian itu secara verbal.

Oleh itu, penyelidikan kualitatif adalah penyelidikan yang memberi penekanan kepada penciptaan makna untuk memahami fenomena sosial dengan mengambil kira faktor-faktor yang tidak dikaji secara langsung, seperti pendapat peribadi dan keanehan seseorang, serta hasil yang dimaksudkan dan tidak diingini. Kajian kualitatif selalunya merangkumi teknik interaksi bersemuka dengan topik penyelidikan dan pendekatan induktif untuk menghasilkan teori dari segi pengumpulan data dan penghasilan teori. Dalam penyelidikan kuantitatif, bentuk kajian diputuskan pada awal-awal lagi, menggantikan perintis kajian. Selain itu, sampel kecil digunakan, bersama-sama dengan pengumpulan dan analisis data yang terperinci dan tidak berat sebelah dalam bentuk huraian dan tafsiran naratif.

### 3.2 Rekabentuk Kajian



Rajah 3.2 Rekabentuk Kajian

Pengkaji mengaplikasikan satu pendekatan yang bersesuaian dengan tajuk iaitu pendekatan kualitatif dalam meneliti dan menganalisis data kajian yang ingin dititikberatkan, pengkaji menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Pendekatan kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data. Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggariskan bagaimana kajian ini dijalankan berdasarkan interaksi yang menjadi asas kepada strategi pemerhatian, falsafah, dan teknik penyelidikan.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian diperlukan untuk mangamati konsep unsur-unsur konflik yang membolehkan kajian ini menggunakan kaedah rujukan. Penyelidikan kualitatif adalah satu kaedah yang cuba diterapkan oleh pengkaji. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membuktikan hasil kajian yang dijalankan pengkaji dengan melihat keberkesanan yang sistematik menerusi unsur-unsur konflik yang dapat diperoleh dalam konflik yang telah berlaku dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah. Pendekatan ini digunakan adalah bertujuan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dan bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu Unsur-unsur Konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* berdasarkan teori Sosiologi. Kaedah kualitatif digunakan dalam menghasilkan kajian ini dengan dikaitkan dengan teori yang digunakan iaitu teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx bagi memantapkan dan mengukuhkan hasil dapatan kajian.

#### 3.3.1 Kepustakaan

Kajian ini menggunakan penyelidikan yang telah disokong oleh dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan. Selain itu, kajian menyeluruh dihasilkan oleh penyelidik menggunakan rujukan daripada teks, artikel akhbar, tesis, jurnal, laman sesawang, dan teks bertulis yang lain sebagai sumber kepada kajian ini. Seterusnya, pengkaji menggunakan sumber perpustakaan untuk mencari sumber lain untuk menambah analisis kajian. Pengkaji telah melawat beberapa perpustakaan antaranya Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Pengkaji juga telah menggunakan perpustakaan lain dari tempat yang berbeza sebagai alat untuk membantunya mencari sumber kajian yang berkaitan. Pengkaji menggunakan kaedah rujukan teks dengan cara pembacaan dan penghayatan yang penuh teliti berkaitan tajuk

kajian yang dilaksanakan. Selain itu, pengkaji mencari sebanyak mana yang mungkin berkaitan konflik yang memenuhi konsep definisinya sebagai tumpuan utama kajian ini dijalankan. Berdasarkan kajian ini, pemilihan teks adalah merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian yang penting. Hal ini kerana, pemilihan buku yang bertepatan kepada tajuk kajian penyelidik dapat memudahkan kajian ini dilaksanakan berdasarkan maklumat yang diperoleh. Seterusnya, kajian ini dibataskan hanya menggunakan sebuah novel yang difikirkan sesuai dengan tajuk kajian dan dapat memenuhi objektif kajian penyelidik daripada novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah.

### 3.3.2 Analisis Tekstual

Teknik perpustakaan adalah pendekatan utama yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data dalam menganalisis teks. Matlamat analisis teks adalah untuk memahami petikan yang dipilih berdasarkan teks secara keseluruhan. Kajian ini telah memilih teks dari novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah yang mengandungi konflik yang ingin diutarakan dalam kajian ini. Teks yang dipilih juga mempunyai pelbagai tema seperti kehidupan, kekeluargaan, nasihat dan sebagainya yang boleh dijadikan medium dalam mendidik masyarakat untuk menangani masalah selari dengan kajian yang pengkaji laksanakan ini. Untuk mengumpul data penting, pengkaji menggunakan pendekatan bibliografi sebagai tunggak utama, yang penting dalam menyokong kaedah analisis teks.

### 3.4 Proses Pengumpulan Data

Teknik mengumpul data atau maklumat untuk kajian ini dikenali sebagai pengumpulan data. Masih terdapat beberapa pendekatan yang tersedia untuk mengumpul data penyelidikan. Berdasarkan apa yang telah dibincangkan, pengkaji telah memilih data sekunder dengan menggunakan analisis teks inovatif dan kaedah perpustakaan.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Pengkaji akan menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data untuk menyiapkan kajian ini dengan lebih berkaedah dan mengikut semua kriteria objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Maklumat dan data yang digunakan adalah selaras dengan matlamat penyelidik. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan analisis tekstual dan pendekatan teoritikal.

### 3.5.1 Teoritikal

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan berdasarkan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx untuk memantapkan lagi kajian yang telah dilaksanakan ini. Menurut Max Weber (1893-1920), definisi sosiologi ialah sains yang mengkaji fenomena dan tindakan sosial. Tindakan sosial itu sendiri di sini ditakrifkan sebagai sangat subjektif untuk individu dan tertumpu kepada tingkah laku yang diperhatikan orang lain. Definisi ketiga pula menurut pakar bernama Emile Durkheim. Menurutnya, sosiologi ialah ilmu yang mengkaji fakta-fakta yang timbul dalam dunia sosial masyarakat. Fakta sosial yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana orang bertindak, berfikir, dan merasa di luar individu dan mempunyai kuasa pakaian yang mengawal mereka.

Teori sosiologi yang dikembangkan oleh Karl Marx dikenali sebagai Marxism atau teori Marxis. Karya Marx dalam sosiologi tertumpu terutamanya pada menganalisis dinamik perjuangan kelas dan cara pengeluaran kapitalis. Konsep dan idea utama daripada teori sosiologi Marx ialah materialisme sejarah. Marx mengembangkan konsep materialisme sejarah, yang menunjukkan bahawa perkembangan sosial dan sejarah didorong oleh keadaan material masyarakat, khususnya cara pengeluaran dan hubungan kelas yang muncul daripadanya. Beliau berpendapat bahawa perubahan dalam asas ekonomi masyarakat membentuk institusi sosial dan politik.

Marx melihat masyarakat terbahagi kepada dua kelas utama iaitu borjuasi (kelas kapitalis) dan proletariat (kelas pekerja). Beliau percaya bahawa pemacu utama perubahan sosial dan konflik ialah perjuangan antara kelas-kelas ini, dengan borjuasi berusaha untuk memaksimumkan keuntungan dan mengeksplotasi buruh proletariat, manakala proletariat berusaha untuk mengatasi eksplotasi mereka dan mencapai kesaksamaan sosial. Marx juga menekankan konsep alienasi, di mana pekerja diasangkan daripada hasil kerja mereka, daripada proses kerja itu sendiri, dan daripada kemanusiaan mereka sendiri. Beliau berhujah bahawa pengasingan ini adalah hasil daripada sistem kapitalis dan komodifikasi buruh.

Marx mengkritik kapitalisme kerana percanggahan yang wujud dan sifat eksplotatif. Dia berhujah bahawa kapitalisme mencipta kekayaan dan keuntungan melalui eksplotasi proletariat, yang tidak menerima nilai penuh tenaga kerja mereka.

Menurut Marx, eksplorasi ini membawa kepada ketidaksamaan sosial dan konflik kelas. Marx membayangkan perubahan revolusioner dalam masyarakat, di mana proletariat akan menggulingkan sistem kapitalis dan menubuhkan masyarakat tanpa kelas yang dikenali sebagai komunisme. Beliau percaya bahawa revolusi ini perlu untuk menamatkan eksplorasi dan mewujudkan masyarakat berdasarkan kerjasama, kesaksamaan, dan pemilikan bersama alat pengeluaran.

Teori sosiologi Marx telah tertakluk kepada pelbagai tafsiran dan penyesuaian oleh sarjana yang berbeza. Walaupun beberapa aspek teorinya telah berpengaruh dalam sosiologi, yang lain telah tertakluk kepada kritikan dan perkembangan selanjutnya oleh pemikir sosiologi seterusnya. Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan dengan menggunakan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx yang dapat dibahagikan kepada empat pecahan iaitu kelas sosial, perubahan sosial, kuasa dan keadaan. Justeru, pengkaji menggunakan teori sosiologi untuk melihat keberkesanan dalam unsur-unsur konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda* yang dapat dikaitkan dalam melaksanakan kajian ini dengan lancar.

### 3.5.2 Struktural

Rasional aliran konvensional untuk mengkategorikan tatabahasa dan anggapannya bahawa setiap bahasa mempunyai kategori universal adalah titik penentangan utama. Kajian difokuskan kepada komponen aspek bahasa. Huraian bahasa menggunakan induktif untuk menerangkan bahasa. Hubungan antara fonem sebagai unit tatabahasa dan fonem sebagai unit bunyi menentukan aspek bahasa. Aspek bahasa yang dapat diperoleh dalam novel *Ayahanda* merupakan satu aspek yang sangat menerangkan dan menunjukkan sesuatu konflik itu berlaku dalam novel tersebut. Pengkaji juga menekankan tentang aspek enkripsi yang diambil dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah untuk menjalankan dan mendapatkan hasil kajian yang diinginkan dalam menjayakan dan melengkapkan kajian ini. Konflik dalaman yang ditunjukkan dalam novel *Ayahanda* merupakan satu perkara yang dilihat oleh pengkaji dalam memantapkan kajian dalam memperoleh hasil dapatan yang diinginkan.

### 3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan bahan atau alat yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menyiapkan kajian ini. Instrumen kajian ini juga berfungsi sebagai cara pengkaji memperoleh data yang diperlukan bagi memastikan objektif kajian tercapai. Dalam mendapatkan data bagi objektif, pengkaji menggunakan novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah dengan meneliti setiap bab di dalam novel tersebut bagi mengenalpasti jenis-jenis konflik yang terpapar di dalam novel *Ayahanda* tersebut. Bagi objektif kedua pula, pengkaji telah menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah untuk mengetahui unsur yang berbangkit di dalam novel tersebut. Seterusnya, objektif yang terakhir, pengkaji telah mengaitkan unsur-unsur konflik yang diperoleh dan disenaraikan yang diambil dari novel *Ayahanda* dengan teori sosiologi menerusi pendekatan konflik. Hal ini dikatakan demikian kerana teori sosiologi melalui pendekatan konflik amat bersesuaian untuk dikaitkan dengan unsur-unsur konflik yang ingin dibicarakan dalam kajian ini. Jelaslah bahawa, hal ini menjadi tunjang kepada kajian yang ingin dijalankan ini.



### 3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian bab ketiga ini merupakan bahagian yang menjelaskan kaedah serta metodologi yang diguna pakai oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan ini. Metodologi adalah proses untuk mengupas kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian seperti kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks serta kaedah teoritikal bagi menguatkan dan menyokong kajian yang dilakukan oleh pengkaji supaya tidak tersasar dengan perkara yang ingin dikaji. Pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian ini berdasarkan teks yang telah dipilih oleh pengkaji. Kaedah metodologi ini wajar untuk berada di dalam kajian kerana ia dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian secara sistematik mengikut susunan yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, metodologi kajian merupakan salah satu jalan bagi memastikan kajian yang dilakukan ini berjalan dengan lancar dan terlihat lebih tersusun dan sistematik bagi mengembangkan idea-idea yang bernes yang dapat dicurahkan semasa melakukan kajian ini.



## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan berkaitan dengan analisis kajian yang meliputi unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah. Bab ini akan menerangkan secara terlebih terperinci mengenai unsur-unsur konflik yang dapat diperolehi dalam novel ini melalui proses data-data yang diperolehi akan dibincangkan dalam bahagian ini. Setiap data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan mengaplikasikan satu prinsip atau teori yang sesuai untuk memantapkan lagi analisis kajian ini. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Max melalui pendekatan teori konflik. Bab ini pengkaji akan memfokuskan kepada unsur konflik iaitu dari segi konflik dalaman, konflik antara kumpulan (intragroup), konflik hubungan dan konflik sosial.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 4.2 Unsur-unsur konflik yang terdapat dalam novel Ayahanda.

##### 4.2.1 Konflik dalaman

Menurut Mana Sikana (2004) menganggap konflik sebagai pertentangan secara fizikal luaran ataupun peribadi dan dalaman yakni melibatkan manusia berdua kekuatan sesama manusia. Maksud dalaman ialah perkara yang tersembunyi dan tidak mudah difahami yang tidak menekankan tentang makna ayat, kata-kata dan sebagainya (Kamus Dewan, 2017). Selain itu, dalaman juga disifatkan sebagai sikap dan penerimaan individu terhadap kepentingan kemahiran dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap juga boleh disimpulkan dari cara seseorang individu itu bertingkah laku. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Yahaya et al. 2007). Menurut Rahman Shaari (1985) menyatakan konflik dalaman merupakan permasalahan yang berlaku kepada seorang watak atau tokoh yang bersangkutan dengan rasa keinginan, tuntutan dan juga harapan. Konflik dalaman juga merupakan satu keadaan kekacauan jiwa kerana masalah yang tertentu. Setiap individu akan mempunyai konflik dalamannya sendiri yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Konflik dalaman ini juga turut tergambar dalam novel *Ayahanda* melalui petikan di bawah:

“Pak, saya tak akan bawa emak lagi tanpa bapa!” Begitu aku hendak kata kepada bapa, tetapi tidak sepatah pun terkeluar. Bening mata bapa bagaikan mengunci mulutku, setelah aku sampai di rumah denngan emak apabila diberitahu.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 27)

Petikan di atas menerangkan tentang Azizi memendam perasaan daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak manis kepada ayahnya. Kebanyakkan Azizi hanya meluahkan kata-kata kejinya di dalam hati. Hal ini dikatakan demikian kerana Azizi amat menghormati ayahnya dan tidak mahu melukakan perasaan ayahnya yang semakin berusia. Sikap acuh tak acuh kepada bapanya, keprihatinan yang ditunjukkan dapat menyorokkan Azizi seorang anak yang baik dan sentiasa mengambil berat terhadap ayahnya. Hubungan antara anak dan ayah tidak akan terputus ibarat air dicincang tidak akan putus walau sebesar-besar mana pun kebencian seorang anak terhadap ayahnya. Islam juga melarang seseorang bermusuhan antara satu sama lain antara adik beradik, ibu bapa maupun sesama Islam dan bukan Islam. Dalam konteks ini, jelas

membuktikan bahawa Azizi merupakan seorang anak yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap ayahnya walaupun dia tidak mengemari perwatakan dan layanan yang diberikan oleh ayahnya kepada Azizi.

Konflik dalaman ini juga turut terkandung dalam petikan di bawah :

“Selain mengasingkan diri, bapa menjadi pendiam tidak semena-mena. Kuat termenung. Dengan anak-anak, dengan cucu-cucu yang tinggal di belakang rumah bapa tidak peduli lagi. Dan satu perubahan yang ketara, bilamana bapa sering kali tunduk termenung, mengerut-ngerut wajahnya bila mula membuka kitab.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 37)

Petikan di atas menggambarkan perasaan seorang bapa dalam melayani anak-anak dan cucu-cucunya. Perasaan yang tidak dapat diungkapkan mengakibatkan orang sekeliling terutama anaknya salah faham akan keadaan tersebut. Seseorang tidak akan memahami perwatakan orang lain melainkan menceritakan masalah yang terpendam di dalam diri yang tidak dapat diselesaikan. Contohnya, bapa sering disalah ertikan oleh anaknya kerana berperangai sedemikian dan tidak mengetahui punca akibat perubahan yang terjadi terhadap bapanya. Bapanya seorang yang berahsia menyebabkan anaknya sukar membaca gerak geri ayahnya. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa bapanya mempunyai masalah yang tidak dikongsi dengan sesiapa termasuk anak-anak dan isterinya sendiri menyebabkan konflik dalaman muncul secara perlahan-lahan.

Seterusnya, konflik dalaman ini juga turut terkandung dalam petikan di bawah:

“Pak kau tu dah lama tunggu. Semua orang kampung dah diberitahu yang kau nak beli kipas angin,”beritahu emak sambil menjenguk-jenguk, kalau-kalau bapa sudah naik ke atas rumah. Aku bagaikan mahu menjerit lagi. emak tidak faham bagaimana kesempitan aku bila kereta aku rosak. Emak mahu aku tunai janji tetapi tidak tahu sebabnya. Aku menjadi geram tiba-tiba. Kalau bukan emak, mahu aku koyak mulut yang kuat berleter itu.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 56)

Berdasarkan petikan di atas, anaknya mengalami masalah kewangan yang menyebabkan gangguan emosi yang tidak dapat diluahkan dengan kata-kata. Kesempitan kawangan yang dialami dengan ujian yang datang secara tiba-tiba menyebabkan dia sukar untuk menuaikan janjinya terhadap bapa untuk membeli kipas

angin untuk diletakkan ke dalam masjid. Contohnya, anaknya cemas secara tiba-tiba kerana terpaksa mengungkir janji untuk membeli kipas angin menyebabkan bapanya hilang keterujaannya setelah mendengar perbualan antara anak dan isterinya. Sikap bapa berubah secara mendadak menyebabkan anaknya dapat membaca gerak gerinya yang tiba-tiba berubah di mana wajahnya yang berseri tadi menjadi muram tiba-tiba. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa anak dan bapa seharusnya mempunyai komunikasi yang baik supaya dapat memberitahu kesusahan yang dilalui dan memahami antara satu sama lain.

Selain itu, petikan di bawah turut memperlihatkan konflik dalaman:

“Rupa-rupanya, bapa yang pendiam ini sangat bias kalau diluah sekali-sekala. Seumur hidupku belum pernah aku menerima sindiran begini rupa. Rupa-rupanya, bapa menyimpan benci yang sangat buruk.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 60)

Petikan di atas menggambarkan konflik dalaman yang berlaku terhadap anak dan bapanya yang terjadi secara tiba-tiba. Contohnya, anaknya berasa terhina kerana bapa secara diam membeli kipas angin kerana anaknya tidak mampu untuk membelinya. Perasaan marah membuka-buka menyebabkan anaknya salah faham antara situasi tersebut dan mengira bapanya malu kerana dia tidak mampu untuk membeli kipas angin yang berharga dalam sekitar seratus lebih sahaja. Anaknya menganggap sikap bapanya yang membeli kipas angin secara tiba-tiba hanyalah untuk mempersendakannya. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa jangan mudah menyalahi seseorang kerana tidak mengetahui tujuan yang dilakukan dalam konteks yang baik ataupun buruk. Jangan mudah menilai seseorang walaupun ia merupakan ahli yang terdekat dengan kita. Komunikasi adalah kunci yang bertepatan dalam situasi ini.

Di samping itu, petikan di bawah juga turut memperlihatkan konflik dalaman:

“Aku rasa aku cukup kecil hari itu. Aku seperti semut yang melata di atas batu marmar masjid. Terasa setiap orang yang datang, duduk di mana-mana sahaja, memandang aku dengan hina kerana aku telah mungkir janji. Kemudian bila mereka mendongak melihat kipas angin yang melengkok ke kiri dan ke kanan, mereka sekali lagi melihat aku dan tersenyum. Mereka seperti menyindir lagi kerana kipas itu hanya untuk bapa sendiri ketika membaca khutbah. Lalu aku pun cuba mengelak diri dan duduk di sudut dinding.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 63)

Di dalam petikan di atas, menceritakan tentang kejadian yang berlaku akibat kipas angin dan konflik dalaman yang terjadi. Contohnya, anaknya merasa kecil pada saat itu dan berasa maruahnya dipijak-pijak disebabkan oleh kipas angin yang tidak mampu untuk dibelinya. Anaknya telah salah faham terhadap situasi tersebut yang mengira bapanya ingin memalukan dirinya kepada orang kampung. Ayahnya cuba yang sebaik mungkin untuk melindungi maruah anaknya kerana tidak mahu anaknya dipandang serong oleh orang kampung. Disebabkan kipas angin itu juga hubungan antara bapa dan anak semakin keruh kerana tidak sefahaman antara satu sama lain. Bapanya terpaksa melakukan perkara sedemikian demi melindungi anaknya daripada ditabur fitnah dan dicaci oleh orang kampung. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sifat ego di dalam diri seharusnya dikurangkan bagi mewujudkan suasana yang harmoni dalam keluarga.

#### 4.2.2 Konflik antara kumpulan (Intragroup)

Konflik antara kumpulan, seperti yang ditakrifkan oleh pelbagai tokoh dan sarjana, merujuk kepada ketidakserasan atau perbezaan yang dirasakan di kalangan ahli dalam kumpulan atau pasukan. Konflik ini boleh timbul daripada perbezaan pendapat, nilai, matlamat, minat, atau juga ketegangan interpersonal dalam kumpulan. Menurut Jehn (1995) konflik dalam kumpulan ditakrifkan sebagai ketidakserasan atau perbezaan yang dirasakan di kalangan ahli kumpulan kerja. Konflik dalam kumpulan secara meluas ditakrifkan sebagai "tahap di mana ahli mempunyai matlamat atau kepentingan yang tidak serasi atau nyata atau dirasakan" (Greer dan Jehn, 2007). Menurut De Wit et al. (2012) konflik dalam kumpulan digambarkan sebagai proses yang muncul apabila ahli kumpulan mengalami perbezaan atau ketidakserasan. Takrifan ini menyerlahkan intipati konflik dalam kumpulan, yang berkisar tentang kehadiran perselisihan atau ketegangan di kalangan individu dalam kumpulan atau pasukan yang sama. Ia merupakan konsep penting dalam psikologi, sosiologi dan tingkah laku organisasi, kerana mengurus dan menyelesaikan konflik antara kumpulan dengan berkesan adalah penting untuk prestasi kumpulan dan perpaduan. Konflik antara kumpulan(intragroup) dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Ada seorang dua anak muda yang rajin berjemaah waktu maghrib dan isyak bersungut yang bacaan kitab bapa masih ditakuk lama. Tidak ada tafsiran baru, kolot dan cara tua. Sungutan itu sampai juga ke telinga bapa. Bapa tidak berkata apa-apa. Bapa hanya tunduk dan menyapu nyapu lembar kitab. Memanglah bapa sedar tetapi sejaoh manalah hendak ditafsirkan secara moden kalau bacaan hanya berkisar tentang wuduk, rukun solat, dan haram halal dalam rumah tangga. Hal-hal itu pun masih ramai yang tidak faham.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 37)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan sikap anak muda yang menginginkan kemajuan kemodenan termasuk cara pembelajaran kitab yang dapat dipelajari. Contohnya, bapa masih menggunakan cara yang lama dalam mengajar dan menterjemahkan kitab. Hal ini membuatkan Jemaah semakin berkurangan kerana bosan terhadap pembelajaran tersebut. Pembelajaran yang ketinggalan zaman akan membuatkan anak muda pada hari ini malas untuk mempelajari ilmu agama. Mereka akan mencari masjid atau surau-surau yang menyediakan khidmat pembelajaran yang moden seperti menggunakan video dan sebagainya supaya dapat diperaktikkan di rumah. Konflik dalam kumpulan atau dikenali sebagai konflik intragroup akan muncul kerana tidak sefahaman antara Jemaah yang mahukan kelainan dalam mendapatkan ilmu agama. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa komunikasi antara iman dan Jemaah seharusnya sehaluan dalam mempelajari ilmu agama supaya tidak berlaku pergolakan sesama Islam.

Seterusnya, konflik dalam kumpulan(intragroup) dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Dalam tidur itu emak bangun bersama mimpi. Emak menjenguk dari tingkap melihat ke arah masjid di mana ramai orang kampung berkumpul di halaman, bercakap-cakap dan marah-marah. Lagak mereka seperti membantah sesuatu. Mereka tidak mahu masuk ke dalam masjid walaupun waktu Jumaat sudah dekat.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 41)

Berdasarkan petikan di atas, menggambarkan suasana yang suram akibat daripada protes yang dilakukan di hadapan masjid. Contohnya, orang kampung menolak untuk menunaikan kewajiban mereka di hadapan masjid untuk menunaikan solat Jumaat kerana masjid yang buruk dan dipenuhi anai-anai di bahagian kayu.

Mereka berasa bimbang akan keselamatan diri mereka menyebabkan orang kampung membantah untuk sembahyang di sana. Bapa hanyalah seorang iman yang tidak mampu untuk melakukan apa-apa dalam pengubahsuaian masjid tersebut. Bapa telah berusaha memohon membaikpulih masjid tersebut kepada pihak atasan tetapi tidak mengendahkan pemohonan tersebut. Bapa merahsiakan perkara tersebut daripada orang kampung menyebabkan mereka tidak mengetahui apa-apa. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa tidak semua perkara harus dirahsiakan. Perkara yang penting harus dikongsi bersama supaya wujud hubungan kesepakatan yang terjalin erat antara orang kampung dan saling memahami antara satu sama lain.

Selain itu, konflik dalam kumpulan(intragroup) dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Menurut kakak Limah dan abang-abangku, anak Jemaah sudah tidak berminat lagi mendengar bacaan kitab bapa. Khomsiah juga memberitahu, sudah ada usul daripada beberapa orang supaya dicari sahaja seorang guru agama muda yang pengajarannya agak moden”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 70)

Berdasarkan petikan ini, perbezaan pendapat muncul akibat tidak sefahaman antara orang kampung dan juga iman di masjid. Contohnya, orang kampung mendesak supaya menggantikan orang yang baru supaya pembacaan kitab diterjemah dalam keadaan yang mudah difahami. Pembacaan orang dahulu dan orang zaman sekarang berlainan kerana orang dahulu menterjemah dalam pemikiran dan konteks yang lama. Orang muda pada hari ini akan mudah jemu dan susah untuk memahami bacaan kitab jika masih menggunakan cara yang lama dalam pembacaan kitab. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa orang kampung dan juga iman seharusnya sama-sama memikirkan inisiatif yang lebih berkesan supaya dapat melakukan perubahan tanpa menyakitkan hati mana-mana pihak.

Sementara itu, konflik dalam kumpulan (intragroup) dalam dilihat melalui petikan di bawah:

“Tapi, tuk iman sudah tua. Tuk iman baca kitab tua”. Begitu yang dikata oleh seorang anak muda yang sangat celopar. Maka, bapa pun menjadi pemenung yang tidak sudah. Jadilah bapa penunggu masjid dengan kitab tua berkulit kuning, manakala, murid-murid bapa hanya terdiri daripada dua tiga orang tua. Itu pun mereka bukan hendak dengar bacaan kitab

sangat. Mereka sebenarnya malas hendak balik ke rumah selepas maghrib kerana bila masuk waktu isyak mereka kena datang pula.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 117)

Dalam petikan di atas, membuktikan bahawa anak muda di kampung itu terus menghindar dan melarikan diri apabila pembacaan kitab dilakukan. Contohnya, iman tidak menghiraukan rungutan dari orang kampung dengan membaca kitab dalam pembacaan yang lapuk menyebabkan anak muda semakin berkurangan menunaikan ibadah di masjid. Perubahan zaman pada hari ini menyebabkan anak muda lebih tertarik untuk bermain media sosial dan mudah bagi mereka untuk mengakses bacaan kitab melalui internet dan sebagainya tanpa menghadirkan diri di masjid. Dengan adanya bacaan kitab tua yang masih diamalkan menyebabkan suasana di masjid akan menjadi semakin suram dan tidak berseri. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa jangan sesekali meletakkan diri kita sebagai seorang yang sentiasa berada di atas, perlu juga melihat sekeliling untuk melakukan perubahan yang baik untuk diri sendiri dan juga orang ramai.

Selain itu, terdapat konflik dalam kumpulan (intragroup) dalam petikan di bawah:

“Tetapi sayangnya, ada sebahagian orang kampung bercakap sana sini. Pelik, kata mereka. Dan tohmah yang mereka lemparkan ialah disebabkan bapa sudah tua, tidak mampu lagi berjalan jauh. Orang tua sudah malas. Bapa hendak tunjuk besar kepala, mentang-mentang dalam kampungnya tidak ada lagi jurunikah”.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 237)

Petikan di atas menggambarkan konflik dalaman (intragroup) yang terjadi antara iman dan juga orang kampung menyebabkan mereka sering melemparkan tohmahan sana sini. Contohnya, orang kampung ingin menggantikan iman yang lebih muda untuk memudahkan dalam berurusan. Iman sekarang sudah tua dan tidak larat lagi untuk berjalan ke sana sini menguruskan urusan dalam jurunikah dan sebagainya. Rungutan orang kampung masih berterusan jika bapa degil untuk meletakkan jawatannya sebagai iman masjid. Tiba masanya iman yang lebih muda menggantikan tempat bapa dalam menguruskan hal-hal masjid. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa tidak salah untuk merendahkan ego kerana ia akan disenangi oleh orang sekeliling dan hubungan ukhuwah akan terjalin.

#### 4.2.3 Konflik hubungan

Menurut Kurt Lewin (1948) mendefinisikan konflik sebagai ketidaksetujuan yang timbul apabila dua atau lebih kekuatan atau faktor yang mempengaruhi individu atau kelompok. Lewin menegaskan bahawa konflik adalah hasil daripada perbezaan antara kekuatan-kekuatan yang bersaing dalam situasi tertentu. Selain itu, menurut Morton Deutsch (1973) memberikan definisi yang lebih luas tentang konflik sebagai situasi di mana individu atau kelompok mempunyai perbezaan dalam tujuan, nilai, preferensi, atau keperluan, dan mereka menghadapi hambatan dalam memenuhi tujuan mereka. Deutsch menyatakan bahawa konflik boleh muncul dalam pelbagai konteks, termasuk hubungan interpersonal, organisasi, dan masyarakat. Seterusnya menurut Ralph H. Kilmann (1974) konflik adalah situasi di mana dua atau lebih pihak mempunyai perbezaan yang perlu diselesaikan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki. Menurut Mary Parker Follett (1926) memberikan pandangan yang penting tentang konflik sebagai situasi di mana individu atau kelompok bekerjasama untuk mencapai penyelesaian yang lebih baik melalui koperasi daripada persaingan yang destruktif. Pendekatannya menekankan pemecahan konflik melalui pemahaman bersama dan usaha kolaboratif. Konflik hubungan dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Pak kau tu, sampai hati...,” kata emak antara keluar dengan tidak. Emak meninjau-ninjau arah masjid. Mana tahu kalau-kalau bapa menjengul tiba-tiba.

“Apa pula?” tanyaku.

Emak selalunya begitu. Hal bapa, meluat dan bencinya selalu disungutkan kepadaku, tidak kepada bapa. Seperti akulah yang akan menyampaikan segala-galanya.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 67)

Berdasarkan petikan di atas, komunikasi antara emak dan bapa terbatas kerana emak takut melukakan hati bapa dan terpaksa meluahkan semua perkara kepada anaknya. Contohnya, segala perlakuan yang bapa lakukan akan dirahsiakan menyebabkan tiada seseorang yang tahu akan kelakuannya. Emak tidak berani untuk bertanya dengan bapa tentang semua perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana bapa sering tiada di rumah dan sentiasa berada di masjid. Masjid itu merupakan rumah kedua bagi bapa. Di rumah juga bapa jarang bercakap dengan emak kerana bapa hanya fokus

dalam penulisannya menyebabkan hubungan komunikasi antara emak dan bapa tidak baik. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa konflik hubungan antara emak dan bapa sudah lama terjadi. Bapa seharusnya mengubah sikap dalam melayan anak-anak dan isterinya dengan mesra seperti mana yang dilakukan di masjid apabila bercakap dengan orang kampung.

Selain itu, terdapat konflik hubungan dalam petikan di bawah:

“Kita pindah!” kataku kasar apabila bapa melempar lagi seekor ikan sembilang di depanku. Aku sungguh tercabar bila ikan itu menggodek-godek di depanku.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 95)

Petikan di atas menunjukkan konflik dalaman yang terjadi antara anak dan bapa. Contohnya, hubungan antara anak dan bapa tidak dalam keadaan yang baik menyebabkan si anak sanggup bercakap dengan kasar terhadap bapanya hanya disebabkan ikan. Anaknya tidak mahu maruahnya tercalar lagi dengan mencipta alasan disebabkan kawasan tersebut tidak mempunyai ikan yang banyak walhal dia sudah bersiap sedia dengan peralatan yang mahal dan mewah berbanding ayahnya. Anaknya tidak mahu mendengar petua yang diberitahu oleh ayahnya. Komunikasi antara anak dan bapa tidak berjalan dengan lancar. Anaknya sering menunjukkan kedegilannya menyebabkan si ayah menuruti permintaannya untuk berubah tempat. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap yang penting akan diri sendiri tidak akan mencapai kemahuan yang diinginkan. Seharusnya anak dan bapa mempunyai hubungan yang baik dalam mencipta kenangan yang banyak bukan bermusuhan.

Seterusnya, konflik hubungan dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Saya ada hal. Saya kena balik cepat.” Aku terus menarik tali sauh.

“Tak boleh!” Bapa terus menunjuk giannya hendak memancing.

“Saya bukan nak cari makan dengan memancing!”

“Tak boleh!” Bapa berkeras. Seperti ada kerapu atau ketang yang akan menggetus umpannya.

“Saya ada hal, nak balik. Bapa pun kena ikut.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 97)

Berdasarkan petikan di atas, konflik muncul apabila kedegilan yang ditunjukkan oleh anak dan bapa yang tidak mahu mengalah antara satu sama lain. Contohnya, anak dan bapa memiliki tujuan yang berbeza menyebabkan mereka memiliki pendapat yang berlainan dalam komunikasi. Situasi ini terjadi menyebabkan ketidaksetujuan dan pertentangan terjadi. Anak dan bapa sepatutnya bercakap dengan baik antara satu sama lain. Memahami antara satu sama lain adalah kunci dalam menyelesaikan masalah ini. Perkara ini tidak akan berlarutan jika mereka memahami dan komunikasi dalam baik. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa kedegilan tidak akan menyelesaikan masalah malah akan memburukkan situasi tersebut.

Konflik hubungan juga dapat dilihat melalui petikan di bawah”:

“Takkan tak boleh dayung langsung?”

“Macam mana nak masuk?” Bapa seakan-akan menempik. Sangat keras suaranya. “Air timpas, kau tau tak air timpas?” Bapa ulangi lagi kerana ajarannya 20 tahun yang lalu sudah aku lupakan. Barulah aku tersedar daripada kebodohanku sendiri. Rupa-rupanya ketika aku turun di pangkalan tadi, air sudah mula surut.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 100)

Berdasarkan petikan di atas, tidak sepatutnya anak dan bapa menzahirkan rasa kemarahan dalam situasi tersebut. Contohnya, bapa dan anak saling menuduh antara satu sama lain dan bukan untuk menyelesaikan hal tersebut dengan secepatnya kerana hari hendak malam. Mereka sepatutnya melihat hari dan masa yang sesuai untuk memancing. Dalam situasi tersebut juga seharusnya mereka berganding bahu untuk memikirkan cara yang bernas untuk keluar daripada pengakalan itu. Mereka akan terkandas di situ sekiranya tidak bertindak dengan secepatnya. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa menyalahi antara satu sama lain tidak akan menyelesaikan masalah yang berada di hadapan dan akan mengeruhkan lagi suasana pada ketika itu. Mereka juga sepatutnya bercakap antara satu sama lain secara terbuka dan jujur. Dengarkan dengan seksama apa yang mereka katakan dan sampaikan pendapat dengan sopan.

#### 4.2.4 Konflik sosial.

Menurut Soerjono Soekanto (2006), konflik sosial ialah konflik yang timbul akibat perbezaan antara individu dan kelompok sosial. Perbezaan ini umumnya berkaitan dengan nilai, minat, atau matlamat yang berbeza antara individu dan kumpulan sosial yang lebih luas. Menurut K. Kartono dan D. Gulo (1987), konflik sosial merupakan satu proses sosial yang bersifat antagonis. Ini membayangkan wujudnya ketegangan dan konflik antara individu atau kumpulan yang berbeza, yang mungkin melibatkan percubaan untuk mengesampingkan atau menguasai kumpulan tertentu oleh orang lain. Menurut Alabaness (2021), konflik sosial ialah keadaan masyarakat yang mengalami kerosakan ketenteraman sosial bermula daripada individu atau kumpulan yang mengalami konflik atau perselisihan faham. Konflik sosial boleh mengganggu kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat. Memetik Modul Pembelajaran Sekolah Menengah Sosiologi (2020), beberapa pendapat pakar berkenaan dengan definisi konflik sosial antaranya A. Soerjono Soekanto (1990), konflik sosial ialah konflik yang timbul akibat daripada perbezaan antara individu atau kumpulan dengan individu atau kumpulan lain dalam masyarakat. Menurut B. George Simmel (1985), konflik sosial ialah interaksi sosial yang penuh dengan ketegangan. Definisi ini menggambarkan sifat konflik sosial yang melibatkan ketegangan, perbezaan dan percanggahan antara individu atau kumpulan dalam masyarakat, yang boleh memberi kesan kepada dinamik sosial dan kehidupan seharian. Konflik sosial dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Mengapa pak tak benar abang hantar saya ke hospital?” Akhirnya aku cuba melepas geram. Biarlah dendam aku ini diketahuinya.

Bapa agak hairan melihat aku. Barangkali, suaraku agak keras. Sambal menyalin kainnya, bapa berkata. “Bua tapa ke sana?”

“Cucuk!”

“Kau fikir hilang bias?”

“Siapa kata? Pak memang bencikan saya.”

Berubah air muka bapa. Sungguh tidak diduganya aku berkata begitu.

Emak barangkali dengar. Emak mengurut-urut lenganku seperti memujuk, jangan bergaduh.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 140)

Berdasarkan petikan ini, kelakuan anak dan bapa membawa pembaca untuk melihat konflik sosial yang berlaku akibat ketisefahaman antara mereka berdua.

Contohnya, setelah disengat oleh ikan sembilang anaknya menjadi emosi kerana beranggapan bahawa bapanya tidak peduli tanpa membawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Pengetahuan bapanya mengenai ikan sembilang mengetahui bahawa anaknya akan beransur pulih tanpa membawa anaknya mendapatkan rawatan di hospital. Anaknya mendapati bahawa bapanya tidak kisah akan kesakitan yang dirasai olehnya menyebabkan dia marah akan bapanya. Perbezaan pendapat antara bapa dan anaknya menyebabkan hubungan mereka semakin keruh. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap ketidaksefahaman antara anak dan bapa menyebabkan mereka tidak memperoleh kesepakatan dalam mereka berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka.

Konflik sosial juga dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Dah banyak aku dengar, ramai yang tak sukaan aku.” Tiba-tiba bapa berkata. Kata-kata itu seperti hendak memberitahu.

Yang ada, memandang antara satu sama lain. Tidak seorang pun menjawab.

“Takkan aku yang tua ni, ilmu sudah tak berguna?” Tanya bapa.

“Kalau semua dah tak suka, tak apa. Buat cadangan, cari guru lain,” kata bapa dengan sedikit sebak dan kemudian tunduk seperti malu padaku.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 150)

Petikan di atas menunjukkan ketegangan dan konflik antara individu atau kumpulan yang berbeza, yang mungkin melibatkan percubaan untuk mengesampingkan atau menguasai kumpulan tertentu oleh orang lain. Contohnya, orang kampung sudah tidak menyukai bapa menjadi sebagai seorang iman di masjid menyebabkan mereka mengutuk dan bercakap buruk terhadap bapa sebagai seorang iman di masjid kampung tersebut. Mereka tidak menyukai bapa kerana menganggap bapa sudah tua dan sudah tiba masa untuk melepaskan tugasnya sebagai iman di masjid dan menggantikan dengan iman yang berkebolehan dan lebih muda. Bacaan kitab tua yang dibaca oleh bapa juga menyebabkan mereka kurang menghadirkan diri untuk solat berjemaah di masjid. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa setiap komuniti seharusnya berhubungan dengan baik dan saling mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain dan jangan menyebarkan kebencian sesama manusia.

Selain itu, terdapat juga konflik sosial dalam petikan di bawah:

“Emak sendiri tidak suka tabiat bapa. Dari dahulu lagi, Abang Ramli tidak suka. Bukan kerana apa, tetapi kami sekeluarga bimbang bapa seorang diri di tengah sungai hutan bakau atau ke laut yang bergelombang. Walaupun tidak suka, emak dan aku serta keluarga tidak boleh buat apa-apa. Emak langsung tidak berani menegur. Pada emak, menegur atau melarang suami bererti isteri tidak baik. Menyekat kemahuan suami pada emak, tidak mencium bau syurga. Dan aku, tidak berani bukan kerana apa, hannya sekadar menghormati seorang bapa. Oleh kerana itu, aku menyimpan dendam begitu besar.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 154)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa bapa mempunyai pendirian dan minat yang mendalam terhadap hobinya menyebabkan berlaku ketidakpuasan orang sekeliling yang risau akan dirinya. Contohnya, bapa mempunyai aktiviti yang agak bahaya untuk dirinya yang semakin berusia. Hal ini telah membimbangkan keluarganya terhadap tabiat yang dilakukan oleh bapa. Anak-anak sekalipun tidak berani untuk menegur dan melarang kesukaan bapa bahkan emak tidak berupaya untuk menegur dan menasihati tentang aktiviti yang bapa lakukan. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap kedegilan yang ditunjukkan oleh bapa menyebabkan berlakunya konflik sosial kerana perbezaan minat atau pendapat dalam berhubungan.

Seterusnya, konflik sosial dapat dilihat di petikan di bawah:

“Aku ni bukan kemaruk. Aku nak tolong dirikan masjid kamu semua. Kalau sudah Nampak aku nyanyuk, haa, cari ganti!”

Semua anak Jemaah diam tetapi di belakang bapa masih juga ada rungutan.

“Tuk iman tu memang seronok jadi jurunikah. Dia dah tua, nak menikah lain dah tak boleh. Jadi, tumpang seronok cukuplah!”

Itu adalah antara sindiran daripada mereka yang tidak setuju. Sayangnya, siapa yang menyindir itu tidak pasti. Tetapi jelas, kini peranan bapa sudah diingini lagi. sudah tidak sekata. Mungkin jadi iman masjid juga mereka tidak setuju.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 238)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat di mana berlakunya ketidakpuasan hati oleh penduduk kampung yang dilemparkan kepada iman di kampung tersebut. Contohnya, iman iaitu bapa sehabis baik untuk menjadi iman dan mendirikan masjid yang kukuh di kampung tersebut. Tetapi apakan daya orang kampung dan jemaah tidak menyukai bapa untuk menjadi iman di masjid itu lagi menyebabkan jemaah bercakap buruk terhadap bapa dan menghindari diri daripada membuat amal ibadah di masjid.

Hal ini membuatkan bapa sedih dan kecil hati terhadap rungutan yang dilemparkan kepadanya. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa sikap jemaah di masjid tersebut mementingkan diri sendiri dan tidak memberitahu sebaiknya akan tujuan yang mereka hajati dalam memperoleh iman yang lebih muda.

#### 4.3 Perkaitan unsur konflik dengan teori sosiologi.

Terdapat tiga pendekatan yang digagaskan oleh Karl Marx antaranya ialah pendekatan pertama iaitu struktural fungsionalisme, pendekatan kedua iaitu simbolik interaksionisme dan ketiga ialah konflik. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx di bawah pendekatan yang ketiga iaitu konflik.

##### 4.3.1 Kelas sosial

Unsur konflik yang terkandung dalam novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah boleh dikaitkan dengan teori sosiologi yang dicetuskan oleh Karl Marx walaupun konflik dalam novel lebih bersifat personal dan emosi berbeza dengan pandangan Marx terhadap konflik dalam kelas sosial. Walau bagaimanapun, beberapa elemen asas teori konflik Marx masih boleh digunakan dalam menjalankan kajian ini. Dalam teori Karl Marx, konflik timbul daripada perbezaan kepentingan antara kelas sosial terutamanya antara borjuasi (pemilik modal) dan proletariat (kelas pekerja). Dalam novel *Ayahanda* walaupun tidak ada konflik kelas yang jelas terdapat konflik kepentingan antara ahli keluarga khususnya antara bapa dan anak-anaknya yang mencerminkan idea konflik antara kumpulan yang mempunyai pandangan atau nilai yang berbeza.

“Pak, saya tak akan bawa emak lagi tanpa bapa!” Begitu aku hendak kata kepada bapa, tetapi tidak sepatah pun terkeluar. Bening mata bapa bagaikan mengunci mulutku, setelah aku sampai di rumah denngan emak apabila diberitahu.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 27)

Petikan di atas selari dengan pendekatan yang ketiga di bawah Karl Marx iaitu konflik yang menunjukkan kelas sosial. Interaksi antara anak dan bapanya yang digambarkan dalam petikan ini dimana mata bapa yang bening mengunci mulut si anak menyiratkan adanya hubungan yang dalam namun juga kompleks penuh dengan rasa

hormat dan takut untuk menyampaikan perasaan sebenarnya. Hal ini terjadi disebabkan oleh struktur sosial dan tekanan ekonomi membentuk cara individu dalam keluarga tersebut berinteraksi dan berkomunikasi. Dalam konteks kelas sosial yang lebih rendah perjuangan ekonomi sering disertai dengan tekanan emosi yang berat menjelaskan dinamik keluarga dan mengukuhkan peranan dalam konteks keluarga. Novel *Ayahanda* ini menggunakan kisah keluarga untuk meneroka konflik dan tekanan ekonomi boleh menguji dan mengubah hubungan keluarga mewujudkan lapisan konflik dan kasih sayang yang kompleks di tengah-tengah cabaran hidup.

“Selain mengasingkan diri, bapa menjadi pendiam tidak semena-mena. Kuat termenung. Dengan anak-anak, dengan cucu-cucu yang tinggal di belakang rumah bapa tidak peduli lagi. Dan satu perubahan yang ketara, bilamana bapa sering kali tunduk termenung, mengerut-ngerut wajahnya bila mula membuka kitab.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 37)

Petikan novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah ini menggambarkan kesan psikologi dan emosi yang boleh berlaku kepada individu yang mungkin mengalami tekanan akibat konflik kelas sosial. Tingkah laku bapa yang mengasingkan diri, menyepi, dan hilang minat dalam interaksi keluarga termasuk anak dan cucu boleh ditafsirkan sebagai manifestasi tekanan ekonomi atau sosial yang lebih luas. Dalam masyarakat yang distrukturkan oleh kelas sosial dan individu daripada kelas bawahan menghadapi cabaran yang ketara bukan sahaja terhad kepada kekurangan material tetapi juga tekanan psikologi yang berakar umbi dalam perasaan ketidakupayaan untuk memenuhi jangkaan sosial atau kekeluargaan. Memandang ke bawah secara termenung dan berkerut muka ketika membuka buku boleh melambangkan konflik dalaman atau keimbangan yang mungkin berpunca daripada kesedaran tentang keterbatasan seseorang dalam menghadapi keadaan sosial dan ekonomi yang menindas. Melalui imej ini, Azizi Haji Abdullah mengetengahkan bagaimana konflik kelas sosial boleh menjelaskan kehidupan emosi dan hubungan interpersonal seseorang individu dalam menggambarkan hubungan saling kompleks antara status sosioekonomi dan kesejahteraan psikologi.

#### 4.3.2 Perubahan sosial

Selain itu, Marx menekankan bahawa perubahan sosial terutamanya yang berkaitan dengan pengeluaran ekonomi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku individu. Perubahan sosial ialah perubahan dalam hubungan antara interaksi individu, organisasi atau komuniti yang berkaitan dengan struktur sosial atau corak nilai dan norma. Dalam konteks sosiologi, perubahan sosial yang melibatkan konflik dalam masyarakat sering dikaitkan dengan beberapa teori utama salah satunya ialah teori konflik sosial yang dikembangkan oleh Karl Marx dan diadaptasi oleh ahli teori lain seperti Max Weber. Teori ini dapat memberi gambaran tentang konflik dalam masyarakat boleh membawa kepada perubahan sosial. Dapat dilihat perubahan sosial yang mengakibatkan berlakunya konflik dalam novel Ayahanda. Sebagai contoh, perubahan sosial yang dapat dilihat adalah ketika orang kampung sudah menganggap ayah sebagai seorang iman tua yang sudah tidak layak untuk mengajar ilmu agama kepada mereka kerana sering menggunakan kitab tua yang sudah tidak dipakai oleh generasi pada hari ini. Hal ini mengakibatkan berlakunya perubahan sosial yang terjadi disebabkan oleh sistem sosial yang terkesan akibat daripada corak tingkah laku yang ditunjukkan oleh orang kampung kepada ayah. Justeru, perubahan sosial dapat dikaitkan dengan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Pak kau tu dah lama tunggu. Semua orang kampung dah diberitahu yang kau nak beli kipas angin,”beritahu emak sambil menjenguk-jenguk, kalau-kalau bapa sudah naik ke atas rumah. Aku bagaikan mahu menjerit lagi. emak tidak faham bagaimana kesempitan aku bila kereta aku rosak. Emak mahu aku tunai janji tetapi tidak tahu sebabnya. Aku menjadi geram tiba-tiba. Kalau bukan emak, mahu aku koyak mulut yang kuat berleter itu.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 56)

Petikan di atas berkesan menggambarkan konflik yang timbul daripada tekanan ekonomi dan perbezaan persefahaman antara generasi dalam sesebuah keluarga yang boleh dikaitkan dengan perubahan sosial. Di sini, ketegangan antara ibu dan anak timbul daripada harapan ibu agar anaknya menunaikan janji membeli kipas yang menunjukkan kepentingan masyarakat dan keinginan untuk mengekalkan hubungan sosial dalam kampung. Bagaimanapun anaknya mengalami kesusahan dari segi ekonomi kerana menghadapi masalah iaitu keretanya mengalami keroskan. Simbolik kepada cabaran yang lebih luas yang dihadapinya termasuk tekanan untuk menyesuaikan diri dengan

keperluan ekonomi dan jangkaan sosial. Ketidaksabaran dan kekecewaan anak terhadap ibu didorong oleh tekanan untuk memenuhi janji dalam keadaan kewangan yang sukar mencerminkan pergeseran antara nilai dan cabaran termasuk perubahan dalam keadaan ekonomi dan sosial. Kisah ini menyerlahkan bagaimana perubahan sosial mempengaruhi hubungan keluarga melalui jangkaan dan realiti ekonomi bertembung yang menghasilkan konflik dan ketegangan antara generasi.

“Ada seorang dua anak muda yang rajin berjemaah waktu maghrib dan isyak bersungut yang bacaan kitab bapa masih ditakuk lama. Tidak ada tafsiran baru, kolot dan cara tua. Sungutan itu sampai juga ke telinga bapa. Bapa tidak berkata apa-apa. Bapa hanya tunduk dan menyapu nyapu lembar kitab. Memanglah bapa sedar tetapi sejauh manalah hendak ditafsirkan secara moden kalau bacaan hanya berkisar tentang wuduk, rukun solat, dan haram halal dalam rumah tangga. Hal-hal itu pun masih ramai yang tidak faham.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 37)

Petikan ini mendedahkan konflik yang timbul daripada perubahan sosial khususnya dalam konteks tafsiran agama dan tradisi berhadapan dengan kemodenan. Kebencian daripada golongan muda yang mengkritik pembacaan kitab bapa sebagai "kuno" menunjukkan pergeseran antara generasi muda yang mencari pemahaman yang lebih relevan dengan konteks zaman mereka dan generasi yang lebih tua yang berpegang teguh pada tradisi. Bapa yang "hanya tunduk dan menyapu lembaran buku" mungkin melambangkan kesedaran tentang perubahan zaman tetapi juga keteguhan dalam nilai-nilai yang dianggap kekal dan asas seperti wuduk, rukun solat dan hukum dalam rumah tangga yang dianggap penting walaupun disifatkan segelintir orang. Konflik ini mencerminkan perubahan sosial yang memberi tekanan untuk menyesuaikan diri dengan pemahaman moden tanpa meninggalkan intipati tradisi dalam mempengaruhi komuniti dan individu. Ia mewujudkan cabaran dalam merapatkan jurang antara mengekalkan tradisi dan menyesuaikan diri dengan pembaharuan.

“Menurut kakak Limah dan abang-abangku, anak Jemaah sudah tidak berminat lagi mendengar bacaan kitab bapa. Khomsiah juga memberitahu, sudah ada usul daripada beberapa orang supaya dicari sahaja seorang guru agama muda yang pengajarannya agak moden”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 70)

Petikan di atas berkaitan secara langsung dengan perubahan sosial dalam konteks cara agama diajar dalam sesebuah masyarakat. Kehilangan minat generasi muda dalam kaedah tradisional pembacaan kitab oleh bapa dan keinginan untuk menggunakan pendekatan yang lebih moden terhadap pengajaran agama mencerminkan perubahan dalam nilai dan jangkaan. Cadangan untuk menggantikan guru agama dengan kaedah pengajaran yang lebih moden menunjukkan konflik antara pendekatan konservatif dan kemodenan dalam pendidikan agama. Ini mencerminkan dinamik perubahan sosial di mana orang ramai terutamanya generasi muda mencari cara baharu yang lebih relevan dengan konteks dan cabaran zaman mereka. Konflik ini bukan sahaja menyerlahkan perbezaan generasi dalam pemahaman dan amalan agama tetapi juga menunjukkan kuasa dan autoriti dalam masyarakat sedang dicabar dan dipersoalkan dengan keinginan yang kuat untuk pembaharuan dan penyesuaian kepada perubahan sosial yang lebih luas.

“Tapi, tuk iman sudah tua. Tuk iman baca kitab tua”. Begitu yang dikata oleh seorang anak muda yang sangat celopar. Maka, bapa pun menjadi pemenung yang tidak sudah. Jadi bapa penunggu masjid dengan kitab tua berkulit kuning, manakala, murid-murid bapa hanya terdiri daripada dua tiga orang tua. Itu pun mereka bukan hendak dengar bacaan kitab sangat. Mereka sebenarnya malas hendak balik ke rumah selepas maghrib kerana bila masuk waktu isyak mereka kena datang pula.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 117)

Petikan ini mengetengahkan perubahan sosial dalam konteks pengajaran agama dan generasi muda berinteraksi dengan tradisi. Ucapan anak muda yang "celopar" mengenai "Tuk iman baca kitab tua" dan reaksi bapa yang menjadi "pemenung yang tidak sudah" menggambarkan jurang antara generasi tua yang berpegang kepada kaedah tradisional dan generasi muda yang mencari pendekatan yang lebih relevan dengan realiti mereka. Peralihan daripada guru yang dihormati kepada "penunggu masjid dengan kitab tua" dan kehadiran hanya beberapa penduduk kampung sebagai pelajar yang kehadiran mereka lebih didorong oleh tabiat daripada keinginan untuk belajar mencerminkan dinamik perubahan dalam masyarakat yang lebih luas. Ini menunjukkan bagaimana perubahan nilai dan jangkaan boleh membawa kepada pengasingan sosial bagi individu yang tidak menyesuaikan diri atau tidak dapat memenuhi keperluan generasi baharu. Konflik yang timbul daripada situasi ini bukan sahaja antara individu tetapi juga antara pengekalan tradisi dan keperluan inovasi dan kerelevan dalam

amalan agama mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam menghadapi perubahan sosial.

“Kita pindah!” kataku kasar apabila bapa melempar lagi seekor ikan sembilang di depanku. Aku sungguh tercabar bila ikan itu menggodek-godek di depanku.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 95)

Petikan di atas menerangkan konflik yang berkaitan dengan keadaan emosi dan juga perubahan sosial dalam konteks keluarga. Anaknya menggunakan perkataan kasar terhadap bapanya iaitu "Kita pindah!" memberi tindak balas terhadap tindakan bapa membaling ikan Sembilang menunjukkan ketegangan dan keinginan untuk melarikan diri daripada situasi yang menyebabkan dia tidak selesa atau tercabar. Walaupun ia tidak secara langsung menyebut kelas sosial, kuasa, atau perubahan sosial konteks di mana keinginan untuk berpindah mungkin mencerminkan ketidakpuasan hati dengan keadaan hidup semasa yang boleh dikaitkan dengan aspek ini. Konflik ini mencerminkan perjuangan dalaman atau perbezaan pandangan antara ahli keluarga tentang sesuatu perkara yang penting atau bagaimana mereka harus menjalani kehidupan mereka yang mungkin dipengaruhi oleh perubahan dalam aspirasi atau keinginan untuk memperbaiki keadaan sosial atau ekonomi mereka. Ini menyerlahkan bagaimana keadaan peribadi dan emosi individu boleh dikaitkan dalam konteks konflik yang lebih luas termasuk keinginan untuk mobiliti sosial atau perubahan persekitaran.

“Dah banyak aku dengar, ramai yang tak sukaan aku.” Tiba-tiba bapa berkata. Kata-kata itu seperti hendak memberitahuku.

Yang ada, memandang antara satu sama lain. Tidak seorang pun menjawab.

“Takkan aku yang tua ni, ilmu sudah tak berguna?” Tanya bapa.

“Kalau semua dah tak suka, taka pa. buat cadangan, cari guru lain,” kata bapa dengan sedikit sebak dan kemudian tunduk seperti malu padaku.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 150)

Petikan ini menyentuh aspek perubahan sosial dalam konteks masyarakat dan ajaran agama. Pengakuan bapa tentang persepsi negatif yang berlegar dalam masyarakat terhadap dirinya dan persoalannya berkenaan kerelevanannya ilmunya menunjukkan konflik dalaman yang dialaminya yang dicetuskan oleh perubahan nilai dan harapan

dalam komunitinya. Ini mencerminkan kedinamikan perubahan sosial di mana kaedah dan ilmu tradisional yang diturunkan oleh generasi terdahulu mula dipersoalkan atau dianggap tidak memadai oleh generasi muda. Bapa sebagai simbol kewibawaan dan pengetahuan merasakan peralihan kuasa apabila dia mencadangkan mencari guru lain jika masyarakat merasakan pengetahuannya tidak lagi berguna. Ketidakupayaan untuk bertindak balas oleh mereka yang hadir dan rasa malu yang dirasai oleh bapa menggariskan konflik antara menghormati tradisi dan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan atau jangkaan baru. Ia menunjukkan bagaimana perubahan sosial boleh memberi kesan kepada individu dalam kedudukan yang berkuasa atau dihormati memaksa mereka menghadapi realiti bahawa apa yang pernah dianggap sebagai kebijaksanaan mungkin tidak lagi diterima tanpa disoal oleh generasi seterusnya.

#### 4.3.3 Keadaan

Di samping itu, walaupun novel *Ayahanda* tidak menggambarkan revolusi secara eksplisit dalam konteks politik atau ekonomi konflik peribadi dan keluarga yang digambarkan mungkin mencetuskan perubahan dalam dinamik keluarga. Perubahan ini boleh dianggap sebagai satu bentuk revolusi kecil dalam konteks keluarga yang dapat dilihat melalui perubahan dalam sikap dan pemahaman yang boleh membawa transformasi dalam sesuatu hubungan. Hal ini disebabkan oleh beberapa keadaan yang memaksa seorang ayah dalam tidak menunjukkan kasih sayang terhadap keluarganya. Oleh itu, walaupun konflik dalam novel *Ayahanda* tidak secara langsung menggambarkan konflik kelas yang ditekankan oleh Marx secara keseluruhannya tetapi teori konfliknya boleh digunakan sebagai lensa untuk memahami konflik dan dinamik dalam cerita khususnya dari segi kelas sosial, perubahan sosial dan keadaan dalam struktur keluarga. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Aku rasa aku cukup kecil hari itu. Aku seperti semut yang melata di atas batu marmar masjid. Terasa setiap orang yang datang, duduk di mana-mana sahaja, memandang aku dengan hina kerana aku telah mungkir janji. Kemudian bila mereka mendongak melihat kipas angin yang melengkok ke kiri dan ke kanan, mereka sekali lagi melihat aku dan tersenyum. Mereka seperti menyindir lagi kerana kipas itu hanya untuk bapa sendiri ketika membaca khutbah. Lalu aku pun cuba mengelak diri dan duduk di sudut dinding.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 63)

Petikan dari novel *Ayahanda* oleh Azizi Haji Abdullah merefleksikan konflik yang muncul dari perbezaan keadaan terutama dalam konteks sosial dan ekspektasi komunal. Kisah tentang janji yang mungkir dan kipas angin yang akhirnya hanya digunakan oleh bapa ketika membaca khutbah menyoroti objek material boleh menjadi simbol status dan kuasa dalam sesebuah komuniti. Perasaan kecil dan hina yang dirasai oleh pencerita seperti semut di atas marmar menggambarkan perasaan rendah diri dan pengasingan sosial yang mungkin dirasakan oleh individu apabila mereka tidak dapat memenuhi jangkaan seseorang. Tindakan pencerita yang cuba mengelak dan duduk di sudut dinding menggambarkan cubaan mengelak pertimbangan dan usikan masyarakat yang mengulangi tema bagaimana keadaan ekonomi atau kebolehan menunaikan janji boleh menjelaskan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Ia menyerlahkan bagaimana keadaan berubah dari kegagalan untuk memenuhi jangkaan kepada manifestasi fizikal janji-janji tersebut boleh mempengaruhi dinamik sosial dan persepsi masyarakat terhadap seseorang individu yang menimbulkan konflik dalaman dan luaran.

“Dalam tidur itu emak bangun bersama mimpi. Emak menjenguk dari tingkap melihat ke arah masjid di mana ramai orang kampung berkumpul di halaman, bercakap-cakap dan marah-marah. Lagak mereka seperti membantah sesuatu. Mereka tidak mahu masuk ke dalam masjid walaupun waktu Jumaat sudah dekat.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 41)

Petikan ini menggambarkan konflik yang berkaitan dengan keadaan dalam konteks sosial masyarakat, yang boleh menunjukkan rasa tidak puas hati atau penentangan terhadap struktur atau norma kuasa sedia ada. Ketidakpuasan hati penduduk kampung memasuki masjid walaupun menjelang hari Jumaat mungkin mencerminkan isu atau dasar yang kurang popular dalam kalangan masyarakat sehingga mendorong mereka untuk membantah atau ingkar. Ini menunjukkan keadaan tertentu dalam kes ini melalui keputusan atau tindakan yang mungkin dilakukan oleh pihak berkuasa masjid yang boleh mencetuskan reaksi kuat daripada masyarakat yang mewujudkan ketegangan dan konflik dalam masyarakat. Adegan ini menggambarkan dinamik sosial di mana kuasa komuniti digunakan untuk menyatakan ketidaksetujuan atau kekecewaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menunjukkan keadaan atau peristiwa tertentu boleh menjelaskan hubungan antara individu dan institusi dalam

masyarakat dan menggambarkan potensi perubahan sosial yang mungkin berlaku akibat konflik tersebut.

“Tetapi sayangnya, ada sebahagian orang kampung bercakap sana sini. Pelik, kata mereka. Dan tohmah yang mereka lemparkan ialah disebabkan bapa sudah tua, tidak mampu lagi berjalan jauh. Orang tua sudah malas. Bapa hendak tunjuk besar kepala, mentang-mentang dalam kampungnya tidak ada lagi jurunikah”.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 237)

Petikan ini menggambarkan konflik yang berakar umbi dalam perubahan keadaan dan persepsi kuasa dalam masyarakat. Gosip dan tohmahan terhadap bapa yang dikatakan "sudah tua, tidak mampu lagi berjalan jauh" dan "hendak tunjuk besar kepala" kerana tiada lelaki berkahwin lain di kampung menyerahkan perubahan fizikal seseorang. Kebolehan dan kedudukan sosial boleh menjelaskan reputasi dan kewibawaannya dalam masyarakat. Ini menggambarkan individu yang pernah dihormati kerana peranan atau kedudukan mereka boleh menjadi sasaran kritikan apabila mereka dianggap tidak lagi memenuhi jangkaan atau perubahan berlaku dalam struktur sosial dalam keperluan masyarakat. Tuduhan "orang tua sudah malas" dan niat "tunjuk besar kepala" mencerminkan dinamik kuasa di mana status sosial seseorang boleh berubah secara negatif akibat usia atau perubahan keadaan fizikal. Konflik ini menunjukkan bagaimana persepsi masyarakat terhadap seseorang individu boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti umur, keupayaan untuk menyumbang dan kehadiran atau ketiadaan alternatif dalam menjalankan fungsi sosial atau keagamaan tertentu menggariskan dinamik perubahan keadaan dan kuasa dalam masyarakat.

“Pak kau tu, sampai hati...,”kata emak antara keluar dengan tidak. Emak meninjau-ninjau arah masjid. Mana tahu kalau-kalau bapa menjengul tiba-tiba.

“Apa pula?”tanyaku.

Emak selalunya begitu. Hal bapa, meluat dan bencinya selalu disungutkan kepadaku, tidak kepada bapa. Seperti akulah yang akan menyampaikan segala-galanya.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 67)

Petikan di atas mendedahkan konflik dalaman dalam dinamik keluarga yang lebih berkaitan dengan keadaan emosi dan komunikasi daripada kelas sosial, perubahan sosial, atau kuasa secara langsung. Seorang ibu yang menyampaikan kekecewaannya dengan meluahkan terhadap anaknya mencerminkan corak komunikasi yang terganggu

dalam keluarga. Ini menunjukkan emosi negatif dan konflik interpersonal boleh disebarluaskan atau ditujukan kepada ahli keluarga lain sebagai cara untuk meluahkan rasa tidak puas hati tanpa menghadapi masalah secara langsung. Dinamik ini mewujudkan beban emosi kepada anak-anak yang berasa seperti perantara tidak formal antara ibu dan bapa. Keadaan ini menggambarkan keadaan konflik di mana ketidakupayaan untuk berkomunikasi secara terbuka dan berkesan mengakibatkan ketegangan dan ketidakpuasan hati disalurkan melalui ahli keluarga yang lain bukannya dengan menangani masalah secara terus dengan pihak berkenaan.

“Takkan tak boleh dayung langsung?”

“Macam mana nak masuk?” Bapa seakan-akan menempik. Sangat keras suaranya. “Air timpas, kau tau tak air timpas?” Bapa ulangi lagi kerana ajarannya 20 tahun yang lalu sudah aku lupakan. Barulah aku tersedar daripada kebodohanku sendiri. Rupa-rupanya ketika aku turun di pangkalan tadi, air sudah mula surut.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 100)

Petikan ini menunjukkan konflik berkaitan keadaan dan persefahaman antara generasi dalam pengetahuan dan pengalaman bapa berhadapan dengan kejahilan atau kealpaan anak terhadap keadaan alam khususnya fenomena air surut atau “air timpas”. Dialog ini menyerlahkan kepentingan pengalaman dan pengetahuan disampaikan dari satu generasi ke generasi seterusnya dan kekurangan penghargaan atau peringatan tentang pengetahuan ini boleh membawa kepada situasi yang tidak diingini malah berbahaya. Konflik ini lebih menekankan aspek keadaan semula jadi yang mesti difahami dan dihadapi bersama daripada perbezaan dalam kelas sosial, perubahan sosial atau dinamik kuasa langsung. Kelantangan suara bapa dan pengulangan maklumat tentang “air timpas” menekankan betapa pentingnya memahami dan menghormati alam semula jadi dan mewakili detik pembelajaran untuk kanak-kanak. Ia menggambarkan bagaimana pengetahuan dan pengalaman terdahulu boleh menjadi kritikal dalam situasi tertentu dan kekurangan komunikasi atau pemahaman bersama boleh menimbulkan konflik atau salah faham dalam hubungan antara generasi.

#### 4.3.4 Kuasa

Konflik dalam sosiologi difahami sebagai konflik atau persaingan dalam masyarakat yang berlaku disebabkan perbezaan atau persaingan untuk sumber yang terhad. Teori konflik yang mula-mula dibangunkan oleh Karl Marx melihat masyarakat sebagai arena konflik berterusan akibat persaingan untuk mendapatkan sumber yang

terhad. Unsur konflik ini memainkan peranan penting dalam memahami bagaimana struktur sosial dan hubungan kuasa terbentuk dan beroperasi dalam masyarakat.

Perselisihan sosial selalunya berdasarkan perbezaan agama, falsafah, sains, etika, undang-undang, bahasa, dan sebagainya. Ia juga menghasilkan atau mengubah komuniti kepentingan, persatuan, dan struktur sosial. Dalam konteks keluarga misalnya, perspektif konflik melihat keluarga sebagai alat untuk mengekalkan patriarki (ketidaksamaan gender) dan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat. Dalam sosiologi, unsur konflik digunakan untuk menganalisis bagaimana pengagihan sumber, kuasa, dan ketidaksamaan mempengaruhi interaksi sosial dan institusi masyarakat. Oleh itu, kuasa dapat dikaitkan dengan teori sosiologi yang digagaskan oleh Karl Marx. Hal ini dapat dilihat melalui petika di bawah:

“Rupa-rupanya, bapa yang pendiam ini sangat bias kalau diluah sekali-sekala. Seumur hidupku belum pernah aku menerima sindiran begini rupa. Rupa-rupanya, bapa menyimpan benci yang sangat buruk.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 60)

Petikan ini memperlihatkan dinamik kuasa dalam konteks hubungan kekeluargaan khususnya antara bapa dan anak yang menggambarkan konflik yang lebih luas berkaitan kuasa. Ekspresi emosi yang dipendam dan kemudian meletus dalam bentuk sindiran menunjukkan komunikasi yang terpendam dan ketidakpuasan hati boleh mengakibatkan ketegangan dalam hubungan interpersonal. Dalam konteks ini, "kebencian yang dahsyat" yang dipendam oleh bapa boleh ditafsirkan sebagai simbol perasaan tidak puas hati yang mungkin berpunca daripada perbezaan generasi, perbezaan nilai atau mungkin tekanan ekonomi yang dihadapi oleh bapa dalam memenuhi peranan tradisionalnya dalam keluarga. Ini mencerminkan kuasa dan autoriti dalam keluarga boleh dipengaruhi oleh keadaan luaran seperti tekanan sosial atau ekonomi dan perubahan dalam keadaan ini boleh menimbulkan konflik dan perubahan dalam dinamik kuasa dalam keluarga.

“Saya ada hal. Saya kena balik cepat.” Aku terus menarik tali sauh.

“Tak boleh!” Bapa terus menunjuk giannya hendak memancing.

“Saya bukan nak cari makan dengan memancing!”

“Tak boleh!” Bapa berkeras. Seperti ada kerapu atau ketang yang akan menggetus umpannya.

“Saya ada hal, nak balik. Bapa pun kena ikut.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 97)

Petikan ini menggambarkan konflik yang berpunca daripada perbezaan keutamaan dan kuasa antara ahli keluarga terutama antara bapa dan anak. Dialog tersebut menunjukkan anak lelaki yang ingin pulang kerana ada urusan penting manakala si ayah pula mahu meneruskan aktiviti memancing menunjukkan kesungguhan dalam aktiviti yang dianggap penting. Konflik ini mencerminkan perebutan kuasa di mana anak lelaki cuba meyakinkan bapa untuk mengubah rancangan berdasarkan keperluan atau kewajipannya sendiri. Walaupun tidak berkaitan langsung dengan kelas sosial atau perubahan sosial situasi ini menyerlahkan dinamik kuasa dalam hubungan keluarga dan perbezaan dalam keinginan dan tanggungjawab boleh menimbulkan ketegangan. Bapa yang berkeras untuk terus memancing boleh ditafsirkan sebagai simbol generasi tua yang mungkin lebih terikat dengan tradisi atau cara hidup tertentu manakala anak lelaki mewakili perspektif yang berbeza mungkin lebih pragmatik atau berorientasikan tugas dan keperluan semasa. Ini menunjukkan bagaimana kuasa dan autoriti boleh dicabar oleh ahli keluarga lain berdasarkan keperluan dan situasi yang berubah.

“Mengapa pak tak benar abang hantar saya ke hospital?” Akhirnya aku cuba melepas geram. Biarlah dendam aku ini diketahuinya.

Bapa agak hairan melihat aku. Barangkali, suaraku agak keras. Sambal menyalin kainnya, bapa berkata. “Bua tapa ke sana?”

“Cucuk!”

“Kau fikir hilang bias?”

“Siapa kata? Pak memang bencikan saya.”

Berubah air muka bapa. Sungguh tidak diduganya aku berkata begitu.

Emak barangkali dengar. Emak mengurut-urut lenganku seperti memujuk, jangan bergaduh.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 140)

Petikan di atas menerangkan konflik dalaman keluarga yang berpunca daripada perbezaan pemahaman dan komunikasi yang boleh dikaitkan dengan keadaan dan kuasa. Ketidaksetujuan bapa terhadap keinginan si anak untuk dibawa ke hospital dan reaksi si anak yang tidak faham malah membenci menunjukkan ketegangan dalam hubungan bapa dan anak. Dialog ini mencerminkan perbezaan pandangan mengenai rawatan atau cara menangani masalah kesihatan di mana bapa mungkin lebih cenderung

kepada pendekatan tradisional atau ragu-ragu terhadap intervensi perubatan moden seperti "cucuk" (vaksinasi atau suntikan), manakala anak mencari penyelesaian secara konteks perubatan formal. Konflik ini bukan sahaja menyerlahkan perbezaan generasi tetapi juga dinamik kuasa dalam keluarga yang cuba menegaskan keperluannya dan bapa membuat keputusan berdasarkan pengalaman atau kepercayaannya. Emak yang cuba meredakan keadaan dengan mengurut lengannya seolah-olah memujuk menunjukkan peranan pengantaraan dalam keluarga untuk mengurangkan ketegangan. Ini menunjukkan bagaimana keadaan kesihatan atau pilihan rawatan boleh menjadi titik konflik dalam keluarga menjelaskan dinamik kuasa dan komunikasi antara ahli keluarga.

“Emak sendiri tidak suka tabiat bapa. Dari dahulu lagi, Abang Ramli tidak suka. Bukan kerana apa, tetapi kami sekeluarga bimbang bapa seorang diri di tengah sungai hutan bakau atau ke laut yang bergelombang. Walaupun tidak suka, emak dan aku serta keluarga tidak boleh buat apa-apa. Emak langsung tidak berani menegur. Pada emak, menegur atau melarang suami bererti isteri tidak baik. Menyekat kemahuan suami pada emak, tidak mencium bau syurga. Dan aku, tidak berani bukan kerana apa, hannya sekadar menghormati seorang bapa. Oleh kerana itu, aku menyimpan dendam begitu besar.”

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 154)

Petikan ini menggambarkan konflik yang berkaitan dengan kuasa, keadaan dan nilai-nilai tradisional dalam struktur keluarga. Perasaan keluarga terhadap kebiasaan bapa yang berisiko berada seorang diri di tengah sungai hutan bakau atau ke laut yang bergelombang menunjukkan kecemasan dan keimbangan terhadap keselamatannya. Namun, norma sosial dan nilai-nilai yang dianut di mana menegur atau melarang suami dianggap sebagai tindakan yang tidak baik bagi seorang isteri mencerminkan kuasa dalam hubungan suami isteri. Kekhawatiran ini tidak hanya mencerminkan ketegangan antara keamanan tetapi juga struktur kuasa dalam keluarga dapat menghalangi ekspresi kekhawatiran atau keinginan untuk melindungi. Sikap emak yang menganggap menyekat kemahuan suami bisa menghalangi jalan ke syurga dan sikap anak yang tidak berani menegur karena menghormati bapa menunjukkan bagaimana nilai dan norma tradisional mempengaruhi interaksi dalam keluarga dan menciptakan konflik emosional internal. Konflik ini menyoroti norma sosial dan nilai-nilai yang berlaku dalam suatu masyarakat atau keluarga dapat menimbulkan dilema dan tekanan emosional terutama ketika ada kekhawatiran serius tentang keselamatan anggota keluarga.

“Aku ni bukan kemaruk. Aku nak tolong dirikan masjid kamu semua. Kalau sudah Nampak aku nyanyuk, haa, cari ganti!”

Semua anak Jemaah diam tetapi di belakang bapa masih juga ada rungutan.

“Tuk iman tu memang seronok jadi jurunikah. Dia dah tua, nak menikah lain dah tak boleh. Jadi, tumpang seronok cukuplah!”

Itu adalah antara sindiran daripada mereka yang tidak setuju. Sayangnya, siapa yang menyindir itu tidak pasti. Tetapi jelas, kini peranan bapa sudah diingini lagi. sudah tidak sekata. Mungkin jadi iman masjid juga mereka tidak setuju.

(Azizi Haji Abdullah, 2022 : 238)

Petikan di atas mencerminkan konflik yang berkaitan dengan kuasa dan perubahan sosial dalam komuniti khususnya dalam konteks terhadap individu yang lebih tua dalam menjalankan aktiviti keagamaan. Bapa yang ingin membantu mendirikan masjid dan masih aktif sebagai jurunikah menghadapi kritikan dan sindiran kerana usianya yang menunjukkan adanya ketidakpuasan dalam komuniti terhadap peranannya. Rungutan dan sindiran yang menyebutkan bahawa bapa "memang seronok jadi jurunikah" dan "tumpang seronok cukuplah!" menggambarkan konflik dalam komuniti dapat mempengaruhi pandangan mereka terhadap individu yang lebih tua. Hal ini dapat meleihat perubahan sosial yang mempunyai keinginan untuk pembaruan atau pendekatan yang lebih moden dalam keagamaan yang tidak lagi sepenuhnya menggunakan tradisi lama. Hal ini menunjukkan kuasa dan pengaruh dalam komuniti dapat mengalami konflik seiring dengan perubahan sikap dan nilai-nilai sosial.

#### 4.4 Kepentingan unsur konflik yang terdapat dalam novel *Ayahanda*.

##### 4.4.1 Struktur naratif yang lebih menarik

Konflik adalah elemen utama dalam naratif yang menarik memainkan peranan penting dalam menggerakkan cerita dan mengembangkan watak. Melalui konflik pembaca disajikan dengan cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi oleh watak yang bukan sahaja memperkayakan cerita tetapi juga mendalamai pemahaman pembaca tentang perjalanan dalaman dan luaran watak. Konflik ini mengundang empati, membina ketegangan dan memastikan pembaca terlibat menjangkakan penyelesaian setiap dilema. Oleh itu, konflik bukan sahaja memajukan jalan cerita tetapi juga mengukuhkan pembangunan watak menjadikannya lebih nyata.

Tambahan pula, konflik berfungsi sebagai kanvas untuk penulis meneroka tema yang kompleks dan menyampaikan mesej yang mendalam. Daripada pertikaian interpersonal hingga pertempuran dalaman yang dialami oleh watak konflik membolehkan penulis menangani isu moral, etika dan nilai sosial. Ia membuka jalan kepada pembaca untuk merenung dilema kehidupan sebenar yang memperkayakan pengalaman membaca dengan pengajaran dan pandangan yang boleh diterapkan di luar halaman buku. Oleh itu, konflik bukan sahaja menambahkan dimensi naratif tetapi juga meluaskan pemikiran pembaca.

Penggunaan konflik yang berkesan dalam sesebuah novel boleh meningkatkan penglibatan emosi pembaca dan meninggalkan kesan yang berkesan dan tidak dapat dilupakan. Melalui konflik dan penyelesaian pembaca dijemput untuk berempati dengan perjuangan watak, meraikan kemenangan mereka dan belajar daripada kekalahan mereka. Ini mencipta cerita yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mengharukan dan mendidik menunjukkan kuasa konflik dalam membentuk naratif yang kaya dan memuaskan.

Konflik menimbulkan ketegangan dalam cerita dan membuatkan pembaca tertarik untuk mengetahui bagaimana masalah itu akan diselesaikan. Ini menjadikan cerita lebih menarik dan mengajak pembaca untuk terus membaca. Konflik mewujudkan ketegangan dalam cerita, menjadikan pembaca atau penonton terlibat secara emosi. Ini membuatkan mereka ingin tahu bagaimana konflik itu akan diselesaikan.

Konflik ialah enjin yang menggerakkan plot. Tanpa konflik cerita berasa mendata dan tidak menarik. Konflik memberikan dorongan kepada watak untuk mencapai matlamat mereka atau mengatasi halangan. Konflik membolehkan watak berkembang dengan baik. Apabila watak berhadapan dengan cabaran mereka membuat keputusan dan mengatasi masalah tersebut. Ini membantu dalam pembangunan watak dan menunjukkan sifat mereka. Konflik menambah tahap kerumitan pada cerita. Ini boleh menjadi konflik dalaman dalam watak atau konflik luaran dengan watak lain atau persekitaran mereka. Kerumitan ini menjadikan cerita lebih menarik dan realistik.

Selain itu, konflik boleh menyebabkan perubahan ketara dalam cerita. Hal ini boleh menjadi perubahan dalam hubungan antara watak, perubahan dalam situasi atau perubahan dalam dunia cerita itu sendiri. Perubahan ini memberikan dinamik kepada jalan penceritaan. Oleh itu, unsur konflik bukan sahaja memberikan ketegangan dan drama dalam cerita tetapi juga membantu menggerakkan plot, mengembangkan watak, menambah kedalaman dan memberikan dinamik yang diperlukan dalam penceritaan.

Di sebalik kepentingan positif ini konflik boleh memberi kesan negatif jika tidak ditangani dengan baik dalam naratif. Sebagai contoh, terlalu banyak konflik tanpa penyelesaian yang memuaskan boleh menyebabkan pembaca berasa kecewa. Begitu juga konflik yang tidak boleh dipercayai atau terlalu dipaksa boleh mengurangkan realisme dan empati pembaca terhadap watak. Oleh itu, adalah penting bagi penulis untuk mengimbangi konflik dengan cara yang menyokong keseluruhan cerita dan pembangunan watak bukan hanya sebagai alat untuk mencipta drama.

Dalam merancang sesuatu konflik penulis perlu mempertimbangkan dengan teliti bagaimana konflik itu mempengaruhi watak, plot dan tema serta bagaimana konflik itu akan diselesaikan untuk memberikan pengalaman yang memuaskan kepada pembaca. Konflik yang direka bentuk dan dikendalikan dengan baik dengan sensitiviti boleh meningkatkan kedalaman dan kekayaan naratif menjadikan novel lebih menarik dan bermakna.

#### 4.4.2 Pembangunan watak

Unsur konflik dalam sesebuah novel memainkan peranan penting dalam pembangunan watak memberikan impak positif yang signifikan terhadap pembangunan watak. Konflik memaksa watak untuk menghadapi cabaran, membuat keputusan yang sukar dan mengemudi dilema moral yang semuanya menyumbang kepada pertumbuhan dan evolusi watak. Melalui konflik, pembaca dapat melihat bagaimana watak berkembang dari awal cerita hingga akhir mendedahkan kekuatan, kelemahan dan perubahan dalam personaliti atau kepercayaan mereka. Proses ini bukan sahaja menjadikan watak lebih kompleks dan dimensi tetapi juga meningkatkan kedalamannya emosi cerita yang menjadikan watak lebih nyata dan mengundang empati daripada pembaca.

Selain itu, konflik sering menjadi pemangkin untuk mendedahkan aspek dalam watak termasuk motivasi, nilai dan impian mereka. Ini membolehkan penulis meneroka dimensi berbeza keperibadian watak dan menawarkan pandangan yang lebih mendalam tentang perkara yang mendorong mereka. Apabila watak menghadapi konflik, mereka berhadapan dengan pilihan yang mencabar nilai dan kepercayaan mereka mendorong pembaca untuk mempertimbangkan bagaimana mereka sendiri mungkin bertindak balas dalam situasi yang sama. Oleh itu, konflik berfungsi bukan sahaja sebagai alat untuk pembangunan watak tetapi juga sebagai cara untuk meneroka tema yang lebih luas dan bertanya soalan tentang keadaan manusia.

Penyelesaian konflik memberi peluang kepada watak untuk menunjukkan pertumbuhan dan perubahan selalunya membawa kepada detik pencerahan atau penerimaan diri. Apabila watak berjaya mengatasi konflik sama ada melalui perubahan dalam diri mereka atau situasi mereka pembaca disajikan dengan naratif yang memuaskan yang menegaskan nilai-nilai seperti ketabahan, keberanian dan pengampunan. Oleh itu, konflik bukan sahaja memperkayakan naratif dengan menambah ketegangan dan minat tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina watak yang tidak dapat dilupakan dan bermakna menunjukkan bagaimana kesukaran dan cabaran boleh membentuk individu menjadi versi diri mereka yang lebih baik.

Konflik membolehkan pembangunan watak yang lebih mendalam. Apabila watak berhadapan dengan situasi konflik pembaca dapat melihat cara mereka bertindak

balas membuat keputusan dan berkembang sepanjang cerita. Konflik sering menimbulkan cabaran dan halangan yang memerlukan watak untuk berkembang dalam mengatasi masalah ini. Ini membantu menunjukkan perkembangan watak sepanjang cerita. Ia juga boleh membawa watak ke dalam situasi yang memaksa mereka untuk lebih memahami diri, nilai dan motivasi mereka. Ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang watak. Konflik moral boleh membangkitkan watak dengan memaksa mereka membuat keputusan sukar yang mendedahkan nilai dan etika mereka.

Unsur konflik dalam novel memainkan peranan yang penting dalam pembentukan watak walaupun kadangkala boleh memberi kesan negatif. Konflik ialah pemangkin yang menggalakkan watak untuk berkembang, menghadapi cabaran dan membuat keputusan yang sukar seterusnya memperdalam kerumitan dan keluasan watak. Melalui konflik, pembaca dapat menyaksikan evolusi watak dari satu keadaan ke keadaan lain selalunya membawa kepada pertumbuhan yang lebih besar atau pemahaman diri.

Namun begitu, penerapan konflik yang tidak seimbang atau terlalu berat sebelah boleh memberi gambaran negatif terhadap pembangunan sahsiah. Sebagai contoh, konflik berterusan tanpa momen refleksi atau pertumbuhan boleh menjadikan watak kelihatan statik atau tidak berkembang. Ini boleh menyebabkan pembaca berasa seperti tiada kemajuan sebenar dalam cerita atau tidak dapat menjiwai perjuangan watak tersebut.

Tambahan pula, jika konflik tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan atau logik ini boleh membawa kepada persepsi negatif terhadap watak. Pembaca mungkin berasa kecewa terhadap konflik yang mempengaruhi watak utama tidak mendapat penyelesaian yang boleh dipercayai atau watak itu tidak menunjukkan pertumbuhan atau perubahan yang ketara akibat konflik tersebut.

Dalam konteks pembangunan watak adalah penting bagi penulis untuk menggunakan konflik sebagai alat untuk mendedahkan dan menguji nilai, kepercayaan, dan motivasi watak. Ini memerlukan keseimbangan antara pengiktirafan konflik dan penyelesaiannya memastikan konflik memberi peluang untuk pertumbuhan dan refleksi. Dengan mengendalikan konflik dengan sensitiviti dan perhatian terhadap pembangunan watak penulis boleh mengelakkan tanggapan negatif dan sebaliknya

menggunakan konflik untuk memperkayakan naratif dan memberikan pembaca pengalaman yang lebih memuaskan.

#### 4.4.3 Kandungan tema dan nilai

Unsur konflik dalam novel memainkan peranan penting dalam mengembangkan tema dan nilai menyumbang secara positif kepada kedalaman dan kekayaan naratif. Melalui konflik, penulis boleh meneroka persoalan besar kehidupan, mempersoalkan nilai moral dan mencabar pembaca untuk merenung isu kompleks seperti keadilan, cinta, pengorbanan dan identiti. Konflik ini bukan sahaja memacu plot cerita tetapi juga memperdalam pemahaman pembaca tentang tema-tema dalam menyajikan situasi di mana nilai-nilai ini diuji di bawah tekanan, mendedahkan sifat manusia yang sebenar dan membenarkan watak untuk memaparkan atau menghadapi kelemahan mereka. Dengan cara ini, konflik berfungsi sebagai jambatan antara pembaca dan pengalaman universal dalam memperkaya naratif dengan wawasan dan refleksi yang mendalam.

Di samping itu, penyelesaian konflik sering menawarkan pemahaman baru untuk pembaca, mengesahkan atau mempersoalkan nilai dan tema yang telah diterokai sepanjang cerita. Cara konflik diselesaikan memberi kesan yang kuat dan meninggalkan mesej yang memberi kesan menggalakkan pembaca memikirkan lebih lanjut tentang penyelesaian kepada dilema moral dan sosial yang dihadapi oleh watak-watak dan lanjutan yang dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu, konflik dan penyelesaiannya bukan sahaja mengukuhkan naratif dengan menambah ketegangan dan minat tetapi juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan menyampaikan tema dan nilai yang sering memberi impak kepada pembaca.

Konflik sering digunakan untuk menyatakan tema dan nilai dalam sesebuah karya sastera. Dalam novel *Ayahanda* konflik boleh digunakan untuk meneroka tema seperti konflik generasi, nilai keluarga atau perjuangan individu. Konflik dalam karya sastera atau seni memainkan peranan penting dalam menyatakan tema dan nilai. Tema ialah isu utama yang diungkapkan dalam sesebuah karya sama ada secara langsung (eksplisit) atau tidak langsung (implisit). Konflik sebagai satu aspek dalam karya membantu menjelaskan tema dengan menunjukkan perjuangan, dilema atau cabaran yang dihadapi oleh watak. Selain itu, konflik juga boleh menggambarkan nilai tertentu

seperti nilai moral, sosial atau budaya yang dicerminkan dalam cara watak menghadapi dan menyelesaikan konflik.

Unsur konflik dalam sesebuah novel amat penting dalam mengembangkan tema dan nilai walaupun kadangkala boleh memberi gambaran negatif terhadap isi kandungan. Konflik membolehkan penulis meneroka dan menyampaikan tema dan nilai yang kompleks dengan cara yang dinamik dan menarik. Melalui konflik, tema-tema seperti perjuangan antara kebaikan dan kejahanan, cinta dan kehilangan, atau kebebasan dan penindasan boleh diperdalam memberikan pembaca gambaran yang lebih mendalam tentang pengalaman manusia.

Walau bagaimanapun, penggunaan konflik yang tidak sesuai atau berlebihan dalam membangunkan tema dan nilai boleh memberi kesan negatif. Contohnya, konflik yang terlalu terpaksa atau tidak wajar boleh mengganggu aliran cerita dan mengurangkan keaslian tema. Ini boleh membuatkan pembaca berasa bahawa tema dan nilai diberikan secara melulu tanpa ruang untuk tafsiran atau refleksi peribadi. Di samping itu, jika konflik terus menumpukan pada aspek negatif tanpa menawarkan resolusi atau harapan yang memuaskan, ini boleh menyebabkan cerita berasa kurang menarik yang mungkin tidak selaras dengan tujuan asal pengarang dalam menyampaikan mesej.

Penting bagi penulis untuk mengimbangi konflik dalam cerita dengan cara yang menyokong pembangunan tema dan nilai. Konflik harus digunakan untuk mencabar watak dan situasi dengan cara yang mencetuskan pertumbuhan, pandangan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang tema tersebut. Ini memerlukan pengendalian konflik dan penyelesaiannya dengan teliti memastikan bahawa ia bukan sahaja berfungsi untuk mewujudkan ketegangan tetapi juga memperkayakan pemahaman pembaca tentang nilai yang disampaikan.

Oleh itu, walaupun konflik adalah alat yang berkuasa dalam membangunkan tema dan nilai dalam novel, penulis mesti berhati-hati menggunakan dengan cara yang meningkatkan bukannya mengurangkan kekayaan dan kedalaman kandungan di dalam sesebuah penceritaan. Ini membolehkan pembaca terlibat dengan lebih mendalam dengan cerita, menghasilkan pengalaman yang memuaskan dan mencerminkan yang mengukuhkan pemahaman dan penghayatan mereka terhadap tema dan nilai yang diterokai.

#### 4.4.4 Nilai moral dan pengajaran

Unsur konflik dalam sesebuah novel mempunyai peranan yang sangat penting dalam menonjolkan nilai moral dan pengajaran memberikan impak positif yang mendalam kepada pembaca. Konflik membentangkan dilema dan situasi etika yang memaksa watak dan pembaca untuk merenung pilihan yang sukar, meneliti nilai mereka dan mempertimbangkan akibat daripada tindakan mereka. Penyelesaian konflik sedemikian sering memberikan pandangan berharga dan pengajaran hidup untuk dipelajari, mendorong pembaca untuk merenung nilai mereka sendiri dan mungkin perubahan yang memberi inspirasi atau pemahaman baru. Oleh itu, konflik bukan sahaja mengukuhkan pembangunan plot dan watak tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang kaya, memperkayakan naratif dengan mesej moral dan pengajaran yang memberi kesan yang berkekalan dan sering berubah kepada pembaca.

Konflik boleh memberi pengajaran moral kepada pembaca. Dalam menghadapi konflik dan melihat cara watak menyelesaiannya pembaca boleh mendapatkan pandangan tentang nilai-nilai seperti kejujuran, kesetiaan atau pengorbanan. Konflik dalam novel sering digunakan sebagai alat untuk memberikan pengajaran moral kepada pembaca. Konflik dalam cerita boleh mewujudkan situasi yang membolehkan pembaca merenung nilai moral dan mengambil pengajaran daripada pengalaman watak dalam cerita. Konflik yang melekat pada watak utama boleh mewujudkan empati dan simpati daripada pembaca. Ini membolehkan pembaca merasai perasaan dan penderitaan watak yang seterusnya dapat mengajar empati dan penyayang sebagai nilai moral.

Selain itu, konflik etika dalam cerita boleh menimbulkan persoalan moral yang kompleks. Watak mungkin berhadapan dengan pilihan sukar yang melibatkan pertimbangan moral. Pembaca boleh mengambil contoh cara watak menangani konflik etika ini dan mempertimbangkan cara mereka sendiri akan bertindak dalam situasi yang sama. Watak dalam cerita sering mengalami pertumbuhan peribadi melalui konflik. Mereka mungkin menghadapi kegagalan, kesilapan atau pertempuran dalaman. Pembaca boleh belajar bahawa setiap individu mempunyai kelemahan dan boleh berkembang melalui pengalaman dan pemberian diri.

Seterusnya, konflik juga boleh menggambarkan akibat tindakan dan keputusan. Pembaca boleh belajar bahawa setiap tindakan ada akibat, baik positif maupun negatif. Ia mengajar nilai akauntabiliti dan integriti. Apabila konflik berkembang, novel sering

memberikan penyelesaian atau pengajaran moral melalui penyelesaian cerita. Pembaca boleh melihat cara watak menyelesaikan konflik dan mendapat pemahaman tentang tindakan yang dianggap betul atau bijak. Oleh itu, konflik dalam novel boleh menjadi alat yang kuat untuk menyampaikan ajaran moral kepada pembaca. Ini membantu perbincangan terbuka tentang nilai etika, empati, tanggungjawab dan pertumbuhan peribadi yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran moral.

